



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
TAN SRI ZAMAN KHAN BIN RAHIM KHAN,  
BEKAS AHLI JAWATANKUASA FAM (PERSATUAN BOLA  
SEPAK MALAYSIA)  
MENGENAI SEJARAH SUKAN BOLA SEPAK DAN  
PENGLIBATAN DALAM FAM (PERSATUAN BOLA SEPAK  
MALAYSIA)**

**MOHAMAD AKIF BIN MOHD ASRI**

**(2017443554)**

**MUHAMMAD AMIRUL BIN MOHD ZIN**

**(2017683378)**

**SEMESTER SEP 2019 – JAN 2020**

## **ABSTRAK**

Transkrip temubual ini adalah mengenai temubual transkrip temubual ini adalah mengenai temubual bersama Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan yang merupakan seorang tokoh yang pernah melibatkan diri dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sebagai seorang ahli jawatankuasa. Tujuan kami menjalankan penyelidikan ini adalah untuk mengetahui sistem pengurusan sukan bola sepak di Malaysia. Transkrip ini merangkumi beberapa perkara termasuklah untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan prestasi pasukan bola sepak Malaysia merudum dan untuk mengetahui sistem pengurusan sukan bola sepak di Malaysia serta untuk mengetahui keberkesanan dasar-dasar bola sepak dalam konteks perpaduan kaum. Beliau mula terlibat dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) apabila beliau menerima sepucuk surat dari Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk menjadi ahli dalam persatuan tersebut. Beliau telah dilantik sebagai ketua disiplin dalam persatuan tersebut. Transkrip ini juga merakamkan tentang pendapat beliau mengenai perpaduan kaum dalam sukan.

## **ABSTRACT**

Transcript of the interview is about the Tan Sri Zaman Khan Rahim Khan, who is a figure who was involved in the Football Association of Malaysia (FAM) as a committee member. Our goal is to conduct research to find out the management system of football in Malaysia. The transcript includes a number of things, including to determine the factors that cause the performance of the Malaysian football team to investigate the crash, and soccer management system in Malaysia as well as to determine the effectiveness of policies in the context of football unity. He became involved with the Football Association of Malaysia (FAM) when he received a letter from the Football Association of Malaysia (FAM) for membership in the association. He was appointed head of discipline in the association. This transcript is also expressed about his views on racial integration in sports.

## **Penghargaan**

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran ilahi kerana dengan limpah berkat dan kurnia-Nya dapat kami menyempurnakan tugas ini dengan jayanya yang merupakan tugas utama bagi kursus Dokumentasi Sejarah Lisan (IMR604).

Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga terhadap tokoh untuk tugas kami ini iaitu Tan Sri Mohd Zaman Khan bin Rahim Khan yang merupakan tokoh dalam bidang bola sepak negara yang merupakan bekas Ketua Ahli Jawatankuasa Disiplin Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) kerana meluangkan masa sepanjang temubual yang berlangsung selama 2 sesi iaitu temubual pertama yang berlangsung pada 15 Oktober 2019 manakala temubual kedua berlangsung pada 26 November 2019.

Tan Sri Zaman Khan yang merupakan bekas Komisioner Jeneral Jabatan Penjara Malaysia, serta bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) menceritakan latar belakang beliau, pengalaman dan serta pandangan beliau mengenai sukan bola sepak di Malaysia khususnya bagi pasukan bola sepak kebangsaan serta Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Beliau juga banyak memberi pendapat mengenai konsep perpaduan yang perlu lebih diketengahkan dalam segenap aspek terutamanya dalam aspek sukan yang bermula sejak dari zaman sekolah lagi yang perlu digilap bak kata pepatah ‘melentuh biarlah dari rabungnya’.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah bagi kursus Dokumentasi Sejarah Lisan kami iaitu Encik Jafalizan bin Md Jali kerana telah memberi tunjuk ajar, bimbingan terhadap kami sepanjang tugas ini serta sanggup meluangkan masa bersama-sama kami ketika temubual prelim serta ketika temubual yang sebenar yang dijalankan. Beliau juga banyak bersabar sepanjang memberi tunjuk ajar terhadap kami yang bermula dalam mengajar teknik-teknik untuk temubual, menyediakan soalan temubual, menyediakan draf, sehingga akhirnya transkrip temubual ini lengkap akhirnya, Alhamdulillah.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa kami yang sentiasa memberi dorongan, sokongan yang tidak putus-putus dan memberi kami kata-kata semangat supaya kami cekal dan tabah dalam menyiapkan tugas transkrip temubual ini dengan lengkap. Ucapan terima kasih seterusnya didedikasikan kepada rakan-rakan taulan kami, IM2465ST1 atas bantuan, memberi semangat kepada kami, ucapan-ucapan yang baik serta menyokong perjuangan kami dalam menyiapkan transkrip ini. Sesungguhnya segala

pengorbanan yang telah dilakukan amat kami sanjungi dan akan kami ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kalam, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan bantuan dalam menyiapkan transkrip temubual ini. Semoga penyelidikan serta transkrip temubual ini dapat dijadikan panduan serta rujukan untuk generasi-generasi yang akan datang.

## Senarai Singkatan

FAM	:	Football Association Malaysia
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
SIC	:	Sultan Ismail College
V.I	:	Victoria Institution
TNB	:	Tenaga Nasional Berhad
LLM	:	Lembaga Lektrik Malaysia
BSN	:	Bank Simpanan Nasional
MRSM	:	Maktab Rendah Sains Mara
PTD	:	Pegawai Tadbir Diplomat
KL	:	Kuala Lumpur
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
ASP	:	Assistant Superintendant Police
IGP	:	Inspector General of Police
CPO	:	Commisioner of Police
RNR	:	Hentian Rehat dan Rawat
JAKIM	:	Jabatan Agama Kehakiman Islam Malaysia
ANSARA	:	Perlembagaan Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia
MRSM	:	Maktab Rendah Sains Mara
RESPA	:	Retired Senior Police Officer Association of Malaysia
UTAR	:	Universiti Tunku Abdul Rahman
MCA	:	Malaysia Chinese Association
PAS	:	Pan Malaysian Islamic Party
UMNO	:	United Malays National Organization
ITM	:	Institut Teknologi Mara
UiTM	:	Universiti Teknologi Mara
MARA	:	Majlis Amanah Rakyat
UTK	:	Unit Tindakan Khas
IPD	:	Ibu Pejabat Polis Daerah
HIV	:	Human Immunodeficiency Viruses

AIDS : Acquired Immunodeficiency Syndrome

AADK : Agensi Anti Dadah Kebangsaan

CCTV : Closed Circuit Television

**Singkatan nama**

- MAZ** : Muhammad Amirul bin Mohd Zin  
**MAM** : Mohamad Akif bin Mohd Asri  
**TZK** : Tan Sri Mohd Zaman Khan bin Rahim Khan  
**JMJ** : Encik Jafalizan bin Md Jali  
**FKH** : Farha Kaesah Hanan binti Abd. Hamid

## Rujukan kata

<i>You</i>	Awak
<i>Education</i>	Pelajaran
<i>Mari</i>	Datang
<i>English education</i>	Pendidikan Inggeris
<i>Omputeh</i>	Inggeris
<i>Private</i>	Swasta
<i>Mari</i>	Pergi
<i>Special Malay</i>	Orang Melayu istimewa
<i>Repeat</i>	Ulang
<i>Form one</i>	Tingkatan satu
School	Sekolah
Start	Mula
<i>Mari</i>	Datang
<i>Inspiration</i>	Inspirasi
<i>Teachers</i>	Guru-guru
<i>Check</i>	Periksa
<i>Teachers very good those days</i>	Guru sangat baik masa itu
<i>watering</i>	Siraman
<i>Orange squash</i>	Perahan oren
<i>Like that</i>	Macam itu
<i>Scholarship</i>	Biasiswa
<i>Notification</i>	Pemberitahuan
<i>Prefect</i>	Pengawas
<i>Study</i>	Pelajaran
<i>From</i>	Daripada
<i>Final</i>	Akhir
<i>Pukul</i>	Kalahkan
<i>All the Star is there</i>	Pemain harapan semua ada di sana
<i>Point</i>	Mata
<i>And</i>	Dan
<i>Try</i>	Cuba



<i>Malay college</i>	Kolej Melayu
<i>Teacher console</i>	Guru memujuk
<i>Young man</i>	Orang muda
<i>Sir</i>	Tuan
<i>I am just set for my Associate Entrancement Test</i>	Saya baru sahaja ditetapkan untuk Ujian Masuk Bersekutu
<i>Just set for Cambridge and wait for Associate Entrancement Test</i>	Telah ditetapkan untuk pergi Cambridge dan menunggu untuk Ujian Masuk Bersekutu
<i>Form six</i>	Tingkatan enam
<i>Why</i>	Kenapa
<i>Speak</i>	Cakap
<i>Good school</i>	Sekolah yang bagus
<i>Clock Tower</i>	Menara jam
<i>Right there</i>	Dekat situ
<i>Tournament</i>	Kejuaraan
<i>I</i>	Saya
<i>Technical School</i>	Sekolah Teknikal
<i>Malay girl</i>	Budak perempuan Melayu
<i>So</i>	Jadi
<i>School is there</i>	Sekolah ada di sana
<i>First time</i>	Pertama kali
<i>Arts</i>	Seni
<i>Goalkeeper</i>	Penjaga gawang
<i>Selangor Combine School</i>	Sekolah Campuran Selangor
<i>About</i>	Dalam
<i>Above</i>	Ke atas
<i>Proceed</i>	Teruskan
<i>People</i>	Orang
<i>Training</i>	Latihan
<i>Field</i>	Padang
<i>Cannot</i>	Tidak boleh

<i>All must free single bike</i>	Semua tidak boleh memasukkan basikal
Cycling double park	Tempat letak basikal
<i>Then</i>	Kemudian
Student	Pelajar
Library	Perpustakaan
Prime Minister	Perdana Menteri
Governement	Kerajaan
Food	Makanan
Clean the toilet	Membersihkan tandas
Cooker	Tukang masak
Society	Masyarakat
<i>Proper certificate</i>	Sijil sah
<i>Naturalisation</i>	Naturalisasi
<i>Watchmen</i>	Penjaga masa
Security guard	Pengawal Keselamatan
<i>North Frontier</i>	Sempadan Utara
America	Amerika
<i>Office</i>	Pejabat
<i>Frozen</i>	Beku
<i>Snow on mountain</i>	Salji di atas gunung
<i>Mass</i>	Jisim
<i>Bodyguard</i>	Pengawal peribadi
Toksey	Tidak mahu
<i>Sit</i>	Duduk
Time	Masa
Order	Pesanan
<i>Well-dressed</i>	Berpakaian kemas
<i>Where are you from</i>	Di mana awak berasal
<i>My area</i>	Kawasan saya
<i>Informal</i>	Tidak rasmi
<i>Dress like that</i>	Berpakaian seperti itu
Saw I in that	Lihat saya dalam itu

<i>Cycling</i>	Berbasikal
<i>Recreational</i>	Rekreasi
Lepas itu	Selepas itu
<i>Exercise</i>	Senaman
<i>Islam old lady</i>	Perempuan tua Islam
My father's auntie	Mak Cik ayah saya
<i>My mother</i>	Mak saya
<i>When she was younger</i>	Mak saya ketika masih muda
<i>Sunrise</i>	Matahari terbit
<i>Smuggling</i>	Seludup
Border	Sempadan
<i>Control</i>	Kawal
<i>Smuggler</i>	Penyeludup
<i>Railway</i>	Jalan kereta api
<i>Slow down</i>	Perlahankan
<i>Check</i>	Lihat
<i>Fifty percent profit</i>	Lima puluh peratus keuntungan
<i>Holiday</i>	Cuti
Next school	Sekolah seterusnya
US	United States
<i>IT</i>	Information Technology
Curator	Kurator
<i>Loan</i>	Pinjaman
<i>Accountant</i>	Akauntan
<i>Strict</i>	Tegas
<i>Final year</i>	Tahun akhir
<i>Triplets</i>	Kembar tiga
<i>No</i>	Tidak
<i>She is a police</i>	Dia seorang anggota polis
<i>Swimming</i>	Berenang
<i>Good result</i>	Keputusan yang bagus
Environment	Persekitaran

Tunnel	Terowong
Federal House	Rumah Persekutuan
<i>Assessment evaluation</i>	Penilaian
Second force	Pasukan kedua
<i>Rifle</i>	Senapang
<i>Research</i>	Penyelidikan
<i>Trackling</i>	Terjahan
District level	Peringkat daerah
<i>Transport</i>	Pengangkutan
<i>Physical Training</i>	Latihan fizikal
<i>Sports academy</i>	Akademi sukan
<i>Population has increased</i>	Populasi sudah meningkat
<i>State level</i>	Tahap negara
<i>Weight</i>	Beban
<i>Communication</i>	Komunikasi
<i>Footballer</i>	Pemain Bola
<i>Specialization</i>	Keistimewaan
<i>assessment</i>	Penilaian
<i>Highway</i>	Lebuhraya
<i>Government servant</i>	Penjawat awam
<i>Differentiate</i>	Membezakan
<i>Repair</i>	Membaiki
<i>Contributed</i>	Sumbangkan
<i>Sacrifice</i>	Pengorbanan
<i>Start</i>	Mulakan
Approve	Mengesahkan
<i>Management</i>	Pengurusan
<i>Interfere</i>	Menganggu
<i>Game</i>	Permainan
<i>Starting</i>	Permulaan
Million	Juta
<i>Communicate</i>	Berkomunikasi

<i>Gustan</i>	Patah balik
<i>Paper</i>	Surat khabar
<i>Interview</i>	Temu bual
<i>Crowd</i>	Penonton

## Isi Kandungan

Abstrak .....	i
Penghargaan .....	ii
Senarai Singkatan .....	iv
Singkatan nama .....	vi
Rujukan Kata .....	vii
1.0 Biodata Penemubual	
1.1 Penemubual Pertama .....	1
1.2 Penemubual Kedua .....	2
2.0 Biodata Tokoh .....	3
3.0 Pengenalan Kepada Tokoh .....	4
4.0 Pengenalan .....	5
5.0 Kajian Literatur .....	7
6.0 Transkrip Temubual .....	15
7.0 Log Temubual .....	104
8.0 Ralat .....	118
9.0 Glosari .....	119
10.0 Indeks .....	120
11.0 Rujukan .....	121
12.0 Ringkasan .....	123
13.0 Lampiran .....	124
13.1 Proposal Kajian .....	124
13.2 Surat Perjanjian .....	140
13.3 Senarai Soalan .....	142
13.4 Diari Penyelidikan .....	149
13.5 Gambar dan Pingat .....	155

14.0 Kesimpulan .....	160
-----------------------	-----

## 2.0 BIODATA PENEMUBUAL

### Penembual pertama



Nama : Mohamad Akif bin Mohd Asri  
No. Pelajar : 2017443554  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan  
Rekod  
Fakulti : Fakulti Pengurusan Maklumat  
Kampus : UiTM Puncak Perdana  
No. Telefon : 011-25495679  
Alamat : Lorong 5, A.59 Taman Maran Impian, Maran, Pahang  
Emel : akifasri97@gmail.com



## Penemubual kedua



Nama : Muhammad Amirul bin Mohd Zin  
No. Pelajar : 2017443636  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan  
Rekod  
Fakulti : Fakulti Pengurusan Maklumat  
Kampus : UiTM Puncak Perdana  
No. Telefon : 011-25772317  
Alamat : Lot 49, Kg Kekabu, Lemal, 17000 Pasir Mas, Kelantan  
Emel : amirulzin17@gmail.com

## Biodata Tokoh



Nama : Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan  
Tarikh lahir : 21 Disember 1942  
Tempat lahir : Kampung Serendah, Pasir Mas, Kelantan  
Alamat : Jalan 6, 574, Taman Ampang Utama, 68000, Ampang  
No. Telefon : 019-2224486  
Pekerjaan : Bekas Komisioner Jeneral Jabatan Penjara Malaysia, Bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia, Bekas Pengarah Ketenteraman Awam

### **3.0 PENGENALAN KEPADA TOKOH**

Tan Sri Zaman Khan dilahirkan pada 31 Disember 1942, di Kg Serendah, Pasir Mas, Kelantan. Beliau telah berkahwin dengan Puan Seri Rosnah binti Ahmad dan dikurniakan lima orang anak. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sultan Ismail College, Kota Bharu, Kelantan dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Victoria Institution, Kuala Lumpur dan mendapat Sijil Menengah Tinggi (HSC) di sana.

Beliau mempunyai pengalaman yang sangat meluas dalam bidang kepolisan. Pelbagai kes-kes berprofil tinggi seperti kes pembunuhan yang melibatkan Mona Fandey, kes di Batang Kali, Operasi Lalang, dan kes Highland Towers.

Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah bekas Komisioner Jeneral Jabatan Penjara Malaysia, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pen. Penguasa Polis IPD Daerah Batu Gajah dan Grik, Timbalan Penguasa Polis di IPD Klang, Timbalan Penguasa Polis, IPD Butterworth, Penguasa Polis IPD Georgetown, Penguasa Polis, Pegawai Trafik Kuala Lumpur, Penguasa Polis, Special Axition Unit UTK, Pen. Kanan Pesuruhjaya II Polis Ketua Pegawai Polis Negeri Sembilan, Pen. Kanan Pesuruhjaya I Polis, Ketua Pegawai Polis Pulau Penang, Ketua Pegawai Polis Kuala Lumpur, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri & Ketenteraman Awam, Pengarah Siasatan Jenayah dan Ketua Pegawai Polis Kuala Lumpur.

#### 4.0 PENGENALAN

Berdasarkan Namri Sidek (2018), menurut rekod sejarah mana-mana negara yang mencipta sukan bola sepak merupakan negara China, bukan di negara-negara barat. Namun, catatan sejarah mendapati negara China sudah bermain permainan ini sejak tahun 206 BC lagi. Bola sepak di China ketika itu digelar 'Cuju', perkataan yang sama digunakan masyarakat mereka merujuk kepada bola sepak. Cuju dikatakan berasal daripada sejenis bentuk latihan yang diamalkan oleh askar-askar China yang kemudiannya ditiru masyarakat mereka sebagai satu bentuk permainan golongan bangsawan. Negara England memegang rekod dalam sejarah dunia berkaitan bola sepak yang merupakan kelab tertua di dunia iaitu Sheffield FC. Peraturan mengenai perlawanan bola sepak professional dilakukan di England. Sistem kad merah dan kuning yang menghukum pemain juga dicipta oleh warganegara Britain.

Menurut laman web Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) (2016), sejarah bola sepak di Malaysia bermula dengan tertubuhnya Persatuan Bola Sepak Malaysia atau Pasukan bola sepak kebangsaan Malaysia di Kuala Lumpur pada tahun 1920 dengan pimpinan Andrew Caldecott, gabenor Hong Kong dari 1935 hingga 1937. Sejak detik itu, aktiviti bola sepak semakin kerap digerakkan oleh FAM dan semakin banyak rakyat yang gemar bermain bola sepak di dataran tempat Piala HMS Malaya (kini Piala Malaysia) dianjurkan. Sebagai bentuk sokongan terhadap kebangkitan "Bola Sepak Kebangsaan", maka Stadium Nasional Bukit Jalil akhirnya dibangun pada tahun 1993 sehingga 1998 dan dibuka pada tahun 1998 sempena Sukan Komanwel 1998 yang telah memperhebat dunia bola sepak di Malaysia.

Menjelang tahun 1970-an, prestasi bola sepak di Malaysia telah mencapai kemuncak, dalam erti bahawa bola sepak di Malaysia merupakan bola sepak yang berkuasa tahap pertama di Asia dan tahap lima dunia. Manakala, negara-negara pada wilayah Asia Timur seperti Korea Selatan dan Jepun boleh dicakap "tidak memiliki prestasi apapun dalam dunia bola sepak". Allahyarham Mokhtar Dahari (1953-1991) ialah pemain terbaik di Asia dan pemenang bola emas AFC. Beliau ialah bekas penyerang pasukan Malaysia yang sangat terkenal di Asia, yang telah memperhebat dunia bola sepak di Malaysia.

Bagi kali pertama, Malaysia telah memenangi Piala Suzuki AFF 2010 dan menjadi gelaran pertama Malaysia untuk peringkat Asia Tenggara. Piala Malaysia ialah kejohanan bola sepak pertama di Asia dengan nama Piala HMS Malaya yang bermula pada tahun 1921. Liga Malaysia merupakan satu kejohanan bola sepak di Malaysia dan ia juga selalunya diringkaskan

sebagai Liga M. Penyelenggaraan Liga Malaysia dikelola oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia. Bola sepak telah bermula di Malaysia seawal tahun 1920 dengan teranjurnya Piala HMS Malaya (iaitu nama asal bagi Piala Malaysia). Antara kejohanan yang lain ialah piala emas raja-raja, pestabola merdeka, piala sumbangsih, piala presiden Malaysia.

Malaysia juga pernah melahirkan ramai pemain bola sepak yang terkenal dan digeruni lawan seperti Abdul Ghani Minhat, Mokhtar Dahari, Zainal Abidin Hassan, Azman Adnan, dan yang terbaru, Safee Sali. Liga bola sepak Malaysia juga pernah menyaksikan kelibat pemain import untuk beberapa tahun sementara tarafnya juga dinaikkan daripada 'liga semi-profesional' kepada 'liga profesional' sebagaimana yang ada pada hari ini. Setakat setahun dua ini, Liga Malaysia (M-League) boleh dikatakan agak setanding dengan liga bola sepak di negara lain di sekitar rantau Asia Tenggara. Ia banyak melahirkan pemain-pemain baru yang boleh dipanggil untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa. Antara sedikit bukti kejayaan Liga Malaysia ialah pembentukan pasukan bola sepak kebangsaan dan olimpik yang ada pada hari ini. Pasukan kebangsaan di bawah pimpinan Datuk K. Rajagobal berjaya menjuarai Piala AFC-Suzuki baru-baru ini menewaskan Indonesia.

## 5.0 KAJIAN LITERATUR

Menurut A.R. Fry dan W. Baum (1969) seperti yang dipetik oleh Mohd Amin Hassan (1974), pakar-pakar dalam bidang sejarah lisan yang bersidang pada tahun 1968 telah bersetuju untuk menerima definisi oral history (sejarah lisan) secara umum sebagai: “suatu metode untuk mendapat dan mengumpulkan sekumpulan keterangan sejarah di dalam bentuk lisan, biasanya di atas pita rakaman.”

Menurut Donald A. Ritchie (2003) pula, oral history (sejarah lisan) boleh didefinisikan sebagai satu kaedah mengumpul memori-memori dan pengalaman yang bernilai sejarah yang dirakamkan melalui wawancara. Sejarah Lisan juga penting dalam menyampaikan sesuatu usaha dalam memelihara sejarah dengan mengadakan wawancara dengan tokoh-tokoh yang membicarakan tentang segala pengalaman-pengalaman tentang peristiwa bersejarah yang telah berlaku dalam kehidupan mereka.

Menurut kajian Wan Mohd Rahimi Rahim (2015), dalam rencana Dewan Siswa, sejarah lisan atau “Oral History” merupakan sumber tambahan bagi penyelidikan sejarah dan dapat diperhatikan melalui penyelidikan sejarah negara ini yang merupakan salah satu bentuk penerangan yang disampaikan dalam bentuk lisan mengenai sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku. Sumber ini didapati melalui wawancara sama ada dengan pelakunya, seorang saksi mata, seorang pendengar, seorang pemegang tradisi atau seorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa berkenaan. Sesuatu keterangan yang disampaikan melalui kaedah lisan akan mengalami tahap tertentu dalam perkembangan penuturannya. Tahap pertama, fakta atau peristiwa diceritakan oleh keterangan proto, keterangan saksi mata dan juga keterangan perseorangan. Fakta atau peristiwa ini boleh diperolehi dengan mewawancarai subjek dan juga melakukan rakaman. Selepas itu, setiap fakta ini akan disebar atau dituturkan yang merujuk keterangan kata dengar.

Menurut laman web rasmi Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) pada 31 Oktober 2018 melancarkan Peta Hala Tuju atau Roadmap FAM yang diberi nama F:30, dengan perencanaan menjadi lima negara terbaik Asia menjelang 2030. Peta hala tuju dengan tempoh 12 tahun itu dibahagi kepada tiga pelan strategik, iaitu fasa pertama dari tahun 2019 hingga 2022 untuk membina asas yang kukuh dari sudut tadbir urus, pertandingan dan pembangunan modal insan serta infrastruktur, disusuli fasa kedua (2023-2026) mencapai peringkat Asia, disudahi fasa

ketiga (2027-2030) bertujuan melahirkan sebuah pasukan kebangsaan yang mencecah taraf dunia.

F:30 dirasmikan secara bersama oleh Presiden FIFA, Gianni Infantino, Presiden Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC), Shaikh Salman Ebrahim Al Khalifa dan Presiden FAM, Dato' Haji Hamidin Haji Mohd Amin, di Grand Hyatt Kuala Lumpur. "Teras kepada peta hala tuju ini ialah memperkasakan ahli gabungan dari sudut pembangunan modal insan dan pertandingan, pengenalan DNA bola sepak Malaysia menerusi kurikulum kejurulatihan yang seragam, serta pembangunan akar umbi yang mantap.

Menurut laman web rasmi Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) (2019), bola sepak tiba di Tanah Melayu dengan British. Penduduk tempatan tidak lama lagi mengambil permainan, dan tidak lama lagi ia sukan terkemuka di negara ini. Menjelang akhir abad ke-19, bola sepak adalah salah satu tiang pusat kebanyakan kelab sukan di Tanah Melayu. Tetapi ia tidak berstruktur. Malah apabila Amatur Liga Bola Sepak Selangor mengambil bentuk pada tahun 1905 - yang memastikan pentadbiran dan organisasi yang sesuai - pertandingan hanya terhad kepada kelab-kelab dalam kawasan Kuala Lumpur. Pada tahun 1921, kejohanan kebangsaan yang memaparkan semua negeri-negeri yang membentuk Tanah Melayu telah dimulakan. Pertandingan, yang dikenali sebagai Piala Malaya (kemudian ditukar nama kepada Piala Malaysia pada tahun 1963), telah berterusan sejak itu, kecuali pada tahun-tahun peperangan. Pada tahun 1926 Amatur Liga Bola Sepak Selangor ditubuhkan, dan pada tahun 1936 Persatuan Bola Sepak Selangor telah ditubuhkan dan persatuan ini tidak lama lagi mula menganjurkan kejohanan dan ini diilhamkan negeri-negeri lain di Tanah Melayu untuk mengikut jejak.

Pada tahun 1920, kapal perang HMS Malaya yang melawat negara ini. Selepas melibatkan pembangkang tempatan dalam bola sepak dan ragbi, pegawai-pegawai dan orang-orang HMS Malaya telah memilih untuk memperingati perlawanan dengan mengemukakan trofi untuk pertandingan tahunan di kedua-dua ragbi dan bola sepak di Tanah Melayu. Pada tahun 1926, Persatuan Bola Sepak Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Persatuan Bola Sepak Singapura Amatur, datang bersama-sama untuk membentuk Persatuan Bola Sepak Malaya (MFA), untuk menurunkan pasukan Malayan menentang pasukan Australia yang melawat Singapura pada tahun itu. Pada tahun 1933, MFA telah dihidupkan semula untuk membentuk Persatuan Bola Sepak Malaya (FAM). Pada mulanya, FAM itu berpangkalan di

Singapura. Ia adalah terutamanya bertanggungjawab untuk mengendalikan pertandingan Piala Malaya.

Kejohanan tahunan bermain mengikut garisan antara negeri merupakan satu kejayaan besar. Presiden pertama FAM ialah Sir Andrew Caldecott diikuti oleh MB Shelley, Dr JS Webster, SD Scott, R. Williamson dan Adrian Clark, yang berkhidmat sehingga 1940 sebelum Eropah pergi perang skala penuh dengan Jerman. Pada tahun 1940, kawalan FAM berpindah dari Singapura ke Tanah Melayu, dengan AR Singham menjadi setiausaha Asia pertama dalam presiden pertama 1941. FAM selepas perang adalah J. E King, diikuti oleh HP Byson, dan kemudian Dr. CP Rawson yang berkhidmat selama dua tahun sebelum mengosongkan untuk personaliti pernah bukan British yang pertama untuk mengambil alih tampuk pentadbiran. Pada tahun 1951, Tunku Abdul Rahman (yang akan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama) menjadi Presiden FAM. Ia adalah di bawah Tunku Abdul Rahman bahawa bola sepak di Malaysia memasuki fasa seterusnya, dengan FAM mengambil peranan yang lebih besar daripada hanya menjadi tulang belakang dalam penganjuran Piala Malaysia.

FAM telah dimasukkan sebagai salah satu daripada 14 ahli pengasas Gabungan Bola Sepak Asia (AFC) pada tahun 1956, sebelum menjadi anggota penuh FIFA dua tahun kemudian. Tunku Abdul Rahman untuk permainan menjadi pemangkin utama yang menyebabkan pembinaan Stadium Merdeka dan pada tahun 1957 ia menjadi tanah keramat untuk semua rakyat Malaysia apabila ia adalah tempat yang dipilih untuk mengumumkan kemerdekaan Malaysia daripada Britain. Ia juga memberi isyarat kelahiran Pestabola Merdeka (Pestabola Merdeka), yang adalah untuk tujuan dan maksud sekeping pusat sambutan kemerdekaan. Pestabola Merdeka terbukti menjadi satu kejayaan besar, inspirasi kejohanan sama seperti kejohanan Jakarta Ulang tahun, Piala Raja Thailand dan Piala Presiden di Korea Selatan. Kejohanan sulung maka pertandingan bola sepak terulung di Asia telah dimenangi oleh Hong Kong. Walau bagaimanapun, Malaya memenangi gelaran tiga tahun berturut-turut, pada tahun 1958 dan pada tahun 1959, dan berkongsi dengan Korea Selatan pada tahun 1960.

FAM memasuki era baru pemodenan dan profesionalisme apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah mengambil alih. Baginda adalah penting dalam pertumbuhan bola sepak dalam era baru dengan pengenalan liga semi-pro pada tahun 1989 sebelum permainan pergi profesional sepenuhnya beberapa tahun kemudian. Antara mata yang tinggi dalam bola sepak Malaysia di bawah DYMM Tuanku telah mendapat kejayaan hosting FIFA Kejohanan Remaja Dunia 1997, serta penganjuran Liga Premier, yang telah dipanggil



Liga Malaysia (Liga-M) sejak tahun 2004. Semasa zaman kegemilangan bola sepak Malaysia pada 1970-an dan 80-an, nama-nama seperti Mokhtar Dahari, Santokh Singh dan Soh Chin Aun akan menyerang takut dalam pasukan di seluruh Asia.

Menurut laman web Bernama.com yang bertajuk FAM saran persatuan bola sepak negeri anjur liga cungkil bakat baharu yang bertarikh pada 13 April 2019, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menyarankan 20 persatuan bola sepak negeri meningkatkan penganjuran liga bola sepak di peringkat akar umbi bagi mencungkil ramai bakat baharu untuk mewakili pasukan kebangsaan pada masa hadapan. Menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), berkata usaha sebegitu perlu digerakkan secepat mungkin kerana Malaysia memerlukan lebih ramai lagi pemain kebangsaan baharu yang berkualiti dan menyerlah yang hanya dapat dikenal pasti menerusi pencarian bakat baharu di peringkat bawah. FAM merasakan persatuan bola sepak negeri kena adakan program pembangunan bola sepak peringkat bawahan secara berterusan supaya negara tidak ketandusan pemain di masa depan," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran dan Pengenalan Pasukan Liga Bola Sepak THB-KFA 2019 di sini pada Sabtu.

Seterusnya, menurut akhbar Berita Harian Online yang bertajuk "Kerajaan tiada halangan FAM terus program naturalisasi" yang diterbitkan pada 09 Mei 2019 yang menyatakan kerajaan tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mahu meneruskan program naturalisasi pemain demi meningkatkan mutu bola sepak negara, kata Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin (2019). Perjumpaan tempoh hari lebih kepada menerangkan mengenai SOP pengambilan pemain dan Tan Sri juga tiada halangan sekiranya ia berjalan mengikut peraturan dibenarkan FIFA dan sedia memberi sokongan," katanya kepada Bernama hari ini.

Di samping itu, menurut laman web Astro Awani yang bertajuk "FAM lancar bola sepak 'Cara Malaysia'" yang diterbitkan pada 09 Julai 2019 yang bertempat di Petaling Jaya melancarkan DNA bola sepak Malaysia, sebagai rujukan kepada semua pihak memahami corak dan gaya permainan mengikut cara pasukan negara. DNA bola sepak Malaysia yang juga dikenali sebagai 'Cara Malaysia' merupakan satu manifesto falsafah bola sepak negara termasuk sistem kejurulatihan yang sama untuk semua kumpulan umur, dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat elit. Menurut Timbalan Presiden FAM Datuk Subahan Kamal yang juga Pengerusi Teknikal FAM dan Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Remaja (2019),

dalam ucapannya berkata, program itu meliputi cara yang memfokuskan etika berpasukan dengan menyerang sebagai sebuah pasukan dan bertahan sebagai satu unit. "Secara amnya, DNA bola sepak Malaysia merupakan satu pelan tindakan kepada semua pihak, bagaimana cara bermain dengan gaya yang sama dan kesamaan dari kumpulan umur paling muda sehinggalah ke peringkat paling tinggi. "DNA bola sepak Malaysia akan melahirkan lebih ramai jurulatih berpengalaman dan meningkatkan standard pemain Malaysia ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Tambahan pula, menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), mengikut laman web Bernama.com yang bertajuk FAM sambut baik usaha MISC dekatkan bola sepak dengan kaum India yang diterbitkan pada 26 November 2019. Beliau berkata selain menerangkan pelan hala tuju serta jadual majlis sukan itu sepanjang 2020, MISC turut mengemukakan beberapa perkara untuk diselesaikan bersama. Beliau juga berkata Malaysia adalah negara majmuk dengan bola sepak sememangnya terbukti menyatu-padukan rakyat. "Menerusi kunjungan hormat dan dialog hari ini, MISC ada berbincang dengan FAM tentang cara membuka ruang buat pelajar khususnya remaja India berusia 15 hingga 17 tahun bergerak aktif dalam bola sepak.

Menurut Presiden Persekutuan Wushu Malaysia Datuk Chong Kim Fatt (2019), mengikut laman web Bernama.com yang bertajuk Sukan satukan perpaduan rakyat Malaysia yang bertarikh 23 November 2019. Beliau berkata dalam sukan, isu bangsa dan agama ditolak tepi, sebaliknya minat dan semangat menjadi tunjang penyatuan dalam kalangan atlet. Chong, yang juga ahli exco badan sukan wushu di peringkat antarabangsa menjelaskan wushu tidak lagi dimonopoli masyarakat Cina sahaja tapi sudah menjadi sukan global apabila menobatkan atlet wanita berhijab dari Iran sebagai juara dunia kategori Sanda. "Dalam sukan, kita tidak ada cakap tentang bangsa. Kita hanya ada satu minat dan satu semangat sama walaupun siapa menang kita akan menjerit. Tidak kisah awak adalah Yang Berhormat atau tidak, kita akan berpelukan (bila berjaya). "Malaysia adalah satu tanah air yang cantik dan mempunyai kepelbagaian bangsa yang istimewa sekali. Kita boleh duduk sama, kita boleh bermain dan bersebang bersama-sama," katanya.

Menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), mengikut laman web Berita Harian Online yang bertajuk FAM mahu tarik minat semua kaum yang diterbitkan pada 16 November 2019 menjelaskan persepsi yang menganggap bola sepak hanya sekadar sukan

semata mata dan bukanlah satu kerjaya yang penting seharusnya dikikis memandangkan kaum Cina memainkan elemen penting dalam usaha memajukan bola sepak di negara ini. “Saya mahu tekankan supaya masyarakat Cina dapat lebih aktif dalam bola sepak seperti mana yang ditunjukkan pada era 70an dan 80an. Jadi, FAM akan turun sehingga ke peringkat akar umbi untuk menarik minat masyarakat Cina. “Ini kerana kita mahu pastikan pembabitan masyarakat Cina seiring dan seimbang dengan kaum lain. Saya harap ahli gabungan beri penekanan kerana kita tidak mahu ada pihak ketinggalan. Ini adalah masa depan kita.”

Menurut Ketua Polis Kuala Lumpur Mazlan Lazim (2019), mengikut laman web Malaysiakini.com yang bertajuk Polis beri amaran jangan buat provokasi perlawanan Malaysia-Indonesia yang bertarikh 18 November 2019 bercakap pada sidang media, Mazlan mengingatkan penyokong kedua-dua pasukan agar tidak melakukan sebarang provokasi ketika perlawanan berlangsung. "Polis akan mengambil tindakan keras bergantung kepada kesalahan yang dilakukan," katanya sambil menggesa mereka supaya bertimbang rasa dan menjaga tingkah laku agar perlawanan esok berjalan lancar. Mazlan juga berkata antara barangan yang ditegah dibawa ke stadium ialah mercun, pen laser, sebarang senjata dan minuman keras.

Menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), mengikut laman web Malaysiakini.com yang bertajuk FAM ajak kaum Cina semarakkan bola sepak tempatan yang diterbitkan pada 16 November 2019. Beliau berkata ia bagi menawarkan dimensi berbeza terhadap lanskap sedia ada, di samping menjadikan bola sepak sebagai opsi kerjaya. Dengan menjadikan Tan Cheng Hoe, Ong Kim Swee dan Chiew Chun Yong sebagai antara contoh individu berbangsa Cina yang menikmati kerjaya dalam bola sepak tempatan, Hamidin menegaskan bola sepak bukan milik satu-satu kaum. “Bola sepak bukan sekadar permainan rekreasi tetapi bagi mereka yang benar-benar berkebolehan, anda boleh menjadi pemain kebangsaan, bersaing di peringkat serantau, Asia dan satu hari nanti di pentas dunia. FAM serius untuk kembali memperluaskan sukan bola sepak yang terbukti sebagai ejen paling ampuh dalam penyatuan, perpaduan dan bina negara ke semua lapisan masyarakat. Katanya perkara itu dapat dilihat melalui pembentukan pasukan kebangsaan pada era 1950-an hingga 90-an dan percaya dengan kerjasama seluruh masyarakat bukan Melayu, zaman kegemilangan tersebut akan dapat dikembalikan.

Menurut Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (2019), mengikut laman web Malaysiakini.com yang bertajuk Galakkan pelajar bersukan, titah Raja Muda Perlis yang bertarikh pada 21 Julai 2019 dimana baginda menyeru semua institusi pendidikan terus

mencari bakat baru dan membantu pelajar untuk berjaya dalam bidang sukan dengan menyetingkatkan mereka ke peringkat lebih tinggi. Titah baginda, sokongan dan galakan berterusan dalam menyemarakkan bidang sukan akan menjamin kecemerlangan pelajar dalam kejohanan yang bakal diceburi. “Penglibatan dalam aktiviti sukan adalah pendedahan asas kepada pelajar terhadap amalan gaya hidup sihat dan aktif. "Sukan adalah platform terbaik bagi mencungkil potensi serta bakat para pelajar dan ia juga merupakan medium yang efektif untuk pembentukan keperibadian warga belia,” titah baginda. Menurut Raja Muda penyertaan pelajar dalam sesebuah kejohanan menuntut mereka memiliki disiplin, komitmen, persediaan mental dan fizikal serta semangat berpasukan yang tinggi.

Menurut Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (2019), menurut Astro Awani yang bertajuk Kaji semula program pembangunan sukan untuk lahir atlet Berjaya yang diterbitkan pada 27 Julai 2019. Titah Al-Sultan Abdullah bertitah sudah tiba masanya program sedia ada tidak hanya memberi penekanan kepada soal latihan semata-mata, sebaliknya perlu melihat aspek lain yang mampu melahirkan seorang atlet lebih berkualiti dan mempunyai mentaliti untuk menang. "Bagaimana hendak menang...kita perlu pastikan setiap atlet telah diberi latihan yang mencukupi, kena cukup makan, tidur, cukup latihan, program-program ini yang perlu kita beri tumpuan. "Sukan boleh menyatukan semua bangsa, semua kaum. Anda akan bersorak menyokong Malaysia. Terpulanglah sukan mana sekali pun. Para atlet pasti tahu merekalah harapan setiap rakyat Malaysia. Setiap orang daripada mereka perlu tahu betapa pentingnya untuk menang. Sekali mereka menang, individu ke, pasukan ke, ia akan membantu untuk menyatukan seluruh rakyat," titah Seri Paduka.

Seterusnya, berdasarkan artikel “Merungkai Keperluan dan Keberkesanan Pemain Naturalisasi” yang dinyatakan oleh laman web Bernama (2019), yang menyatakan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam menaturalisasikan pemain perlu dilengkapi dengan satu kajian mendalam termasuk mengambil kira pelbagai sudut implikasi pelaksanaannya untuk mengelak kesan buruk yang berpanjangan. Cadangan menggunakan pemain naturalisasi hadir selepas Malaysia berada dalam fasa merudum selama hampir 30 tahun susulan prestasi buruk sehingga kedudukan skuad negara dalam ranking Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) terjejas di tangga ke-168 pada April 2019 berbanding ke-80 pada 1993. Menyedari hal itu, FAM yang menyasarkan Malaysia berada dalam kelompok 100 terbaik menjelang 2026

mengorak langkah awal dengan menjadikan penyerang Pahang Mohamadou Sumareh sebagai pemain naturalisasi pertama negara pada Julai 2018.

Selain itu, melalui laman web Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) (2019), dengan kerjasama Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) bakal memperkenalkan sistem pendaftaran pemain dan pegawai pasukan-pasukan Liga Malaysia serta ahli-ahli gabungan menerusi Program FAM MyPAS, Disember ini. Program ini dapat membantu dalam integrasi maklumat-maklumat pemain serta pegawai secara menyeluruh dan sistematik untuk memudahkan pentadbiran dan pengurusan pasukan masing-masing. Melalui platform ini juga, kesemua pemain dan pegawai yang berdaftar akan diberikan pengenalan diri (ID) tersendiri dan akan menjadi asas dari aspek kawalan umur, perlindungan pemain bawah umur serta pembangunan bola sepak di setiap peringkat berteraskan ketelusan maklumat. “Sejajar dengan matlamat kami sebagai organisasi bola sepak yang sentiasa memandang ke hadapan, teknologi yang digunapakai FAM MyPAS ini akan memberi impak yang besar kepada pentadbiran pasukan-pasukan Liga Malaysia, musim depan,” ujar Setiausaha Agung FAM, Dato’ Haji Hamidin Haji Mohd Amin.

## 6.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai sejarah bola sepak dan penglibatan dalam FAM [Persatuan Bola Sepak Malaysia]. Bersama-sama kami ialah Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan yang merupakan seorang tokoh polis yang melibatkan diri dalam sukan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 Oktober 2019 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 10.00 pagi bertempat di Ampang Jaya, Selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Mohamad Akif bin Mohd Asri dan Muhammad Amirul bin Mohd Zin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**MAM:** Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Tan Sri

TZK: Waalaikumsalam

**MAM:** Nama saya Mohamad Akif bin Mohd Asri

**MAZ:** Nama saya Muhammad Amirul bin Mohd Zin

**MAM:** Jadi kami akan menanyakan beberapa soalan kepada Tan Sri

**MAM:** Okay, bolehkah Tan Sri bercerita sedikit tentang latar belakang Tan Sri?

TZK: Saya ini berketurunan Pakistan, mak saya orang jawi, ha (tokoh berfikir) mak saya jawi, ha (tokoh berfikir) itulah. Ayah saya ini dia datang daripada masa itu, masa dia bayi dulu belum ada Pakistan betul. Pakistan timbul apabila dia berpecah dengan India tahun 1947. Ha dia, kampung dia, saya dah pergi ke kampung dia, lawatan saya ke kampung tu telah memberi satu persepsi yang sangat baik untuk saya. Jauh di perkakian Malaya lah *you* [awak] nampak masa tu bulan sebelas, bulan sepuluh ada dah salji apa semua pokok-pokok bertukar semua ada dah, sejuk itulah. Selalunya negara miskin, dia mari sini masih kecil lagi dengan

bapa dia dan dia orang-orang Pattani, kalau kita tengok di semenanjung kita ni tak, tak banyak di pantai barat yang ramainya di Terengganu, Kelantan dan Thailand. Thailand sampai ke Burma [kini Myanmar], kerja dia apa jual kain, jual kain pikul kain besar itu. Daripada kampung ke kampung di Kelantan. Di situlah dijodohkan dia bertemu dengan mak saya. Mak saya masa ini janda suaminya mati pasal mazhab kahwin di Kelantan, bos besar dipanggil Bos Maira, bos maira tu besar betul. Jadi abang saya itu yang pertama, saya ini yang ketiga, itu tiga orang saja lahir di Kelantan dan bapa saya dia tidak tahu menulis pun. Dia, kalau dia terima surat dari Pakistan, dia minta kawan-kawan dia yang pandai baca, bacakan untuk dia, nak hantar pun, nak jawab pun macam itu jugak, kata dia. Jadi, macam mana bapa saya pun, orang melayu kita di Kampung Sunan Chetok orang panggil tak tahu apa pun, tak tahu. Kemudian saya ada baca apa itu, Pak Uda Hussin, Pak Uda Idris, mereka buta huruf tetapi mereka tahu, sedar bahawa kita ni perlukan *education* [pelajaran] dan sebagainya dan sekolah masa itu tiada sekolah. Di sekolah, kalau di kawasan itu ada satu sekolah melayu di Tok Uban, lepas itu Pasir Mas, tidak ada sekolah dekat-dekat situ. Jadi, saya pada kampung Seredah ni nak pergi Tok Uban lebih kurang empat km [kilometer], jadi kena berjalan, kalau berjalan sudah ada jalan raya, trek, atas batang padi, kalau hujan, kalau musim tengkujuh, saya tak mahu cakap banyak sangat kita main padi cari daun keladi ataupun daun pisang tak, kumpul pergi cucuk tepi padi, pakai kain apa tahu, kain lepas, tahu tak kain lepas, orang Kelantan perempuan buat kubung tak, ha kain batik macam itulah nak sampai dekat Tok Uban itu ada satu wakaf dekat dalam lebih kurang 10 batu lagi, dekat situ ada satu perigi kita mandi itulah cuci, tiada kasut, mana ada kasut masa dulu, tiada. Pergi ke sana untuk belajar, belajar sana. Tapi masa dulu sekolah ini dia ada susu tahu, kita pergi kita masak

susu panas, susu panas itu dengan biskut, kita panggil biskut binatang *because* [sebab] apa, biskut itu dia buat mata harimau, ha (tokoh berfikir) tapi protein dia bagus. Pagi-pagi kita ambil giliran kelas itu masak susu, lepas itu ada koleh sorang-sorang minum susu, panas semua naik atas, susah. Tapi akhirnya bapa saudara saya ini dua tiga orang buat satu pondok, pondok ini bukan pondok untuk agama ini tak, pondok untuk kita duduk nak belajar itu dalam kawasan sekolah Tok Uban itu. Jadi, bukan ada bilik, adalah tempat tidur kita itu paha itu sahaja, lepas itu dapur, tempat basuh kaki, itu sahaja. Tidak ada bilik atau apa, lampu apa tahu? Damar, tahu damar, ha (tokoh berfikir) dulu susu getah yang berkerak, ha (tokoh berfikir) itulah tidak ada lagi minyak gas apa semua tiada, mahallah beli benda macam itu, ha (tokoh berfikir) itulah kita duduk dekat situ. Kalau malam kena tidur awal kerana apa tiada lampu tiada apa, kali ini kami duduk dengan berapa orang, saya ingat tujuh atau lapan orang kita, semua sepupulah, duduk situ belajar. Hari khamis lepas kelas itu baru balik, dulu sekolah bukan pagi petang. Pagi bukanlah, petang extra more (lebih banyak). Jadi duduk situ saja, jadi orang kampung bapa saudara semua buta huruf, dia tahu betapa pentingnya kita pergi sekolah.

**MAM: Pendidikan?**

TZK: Ha, kalau tak pergi dia piak (pukul) pun dengan apa.

**MAM: Rotan**

TZK: Bukan rotan, buluh yang kita tarik ikan tu ha (tokoh berfikir) yang sekali dengan tali, dan ayah saya hari itu kata okay, nama saya Hassan di kampung. Tapi nama Mohamad Zaman Khan ini nama atuk saya nak ingatkan. Jadi, dia mari [datang]



dia kata berhenti pergi belajar Inggeris kata dia di Kota Bharu. Saya pergi tinggal dengan bapa saudara saya juga Kabib, tapi dia tinggal di Kota Bharu nama dia arwah Ismail Haji Awang. Saya tinggal di rumah dia, dia sudah meninggal lama sudah. Tapi isterinya dekat seratus tahun ada lagi.

**MAM: Masih hidup.**

TZK: Ada lagi, dan saya tinggal situ tak lama dalam enam bulan, tujuh bulan begitu, ayah saya mari [datang] pindah saya, yang saya pergi itu sekolah agama malam, sekolah majlis agama Islam yang bagi *English education* [pendidikan Inggeris] tengah malam. (Tokoh sedang berfikir), *so* [jadi] orang-orang kampung, budak-budak kampung kadang-kadang pergi pakai sarung, jadi budak-budak hilir, budak-budak Kota Bharu ini perli saya jadi begini, mungkin cikgu itu rasa kasihan kepada saya, tapi mereka tidak boleh pukul saya dalam *target* [sasaran] saya pandai. Saya baru cakap omputeh [inggeris] bolehlah. Ha, dia kata lebih baik awak pergi ke sekolah ISLAH, sekolah *private* [swasta] juga dan sana *full English* [Inggeris menyeluruh] jugak. Saya sendiri mari [datang] dan saya masuk, tak lama dalam 3 bulan, 4 bulan, ayah saya ini dia buta huruf, dia mari [datang] dia panggil saya mari [panggil] kita pergi Pasir Mas kata dia. Ha (tokoh berfikir), jumpa satu guru kata dia, pergi, pergi, pergi, tak tahu siapa dia, nama dia Mohd Yusof Ghawus, bapa kepada Malina, tidak ingat Malina Yusof dulu-dulu orang politik itu ya atau tidak.

**MAZ: Orang politik.**

**MAZ: Dalam konteks masyarakat.**

TZK: Dia begini satu apabila kita mengambil bahagian dalam sukan ya atau tidak \_\_\_\_\_ sukan ini satu elemen yang penting kepada *sportsmen* [ahli sukan], komitmen dia, jadi, misalnya dulu Big Walk, saya terlibat dalam *the first* [yang pertama] Millennial Big Walk \_\_\_\_\_ susah, betapa susah untuk *complete* [habiskan], kita sudah berapa kali buat *training* [latihan], tapi apabila kita ambil bahagian, kita nak habiskan

**MAZ: Komited.**

TZK: *We must committed ourself* [kita mesti komitedkan diri kita]

**MAM: Macam Big Walk itu Tan Sri, Tan Sri ada menyertai acara apa-apa ke, acara ragbi ke**

TZK: Masuk di mana

**MAM: Big Walk untuk *event* [acara] Tan Sri**

TZK: Masa itu main ragbi semua itu, ada main ragbi, main hoki.

**MAM: Tan Sri ingat berapa lama Tan Sri *event* [acara] ini Big Walk?**

TZK: Mana?

**MAZ: Pada tahun berapakah *event* [acara] Big Walk?**

TZK: Pada tahun 1960, saya masih ingat kita berhimpun di Merdeka Stadium melalui muzium pergi sampai ke IPM [Integrated Project Management] selepas itu masuk Jalan Templar so dia akan ikut jalan itu, saya ingat itu, masa itu Millenial, Millenial Big Walk dan masa itu V.I [Victoria Institution] ada dua ke tiga *team* [pasukan] macam itu.

**MAZ: Seterusnya bagaimana sukan dapat meningkatkan sosioekonomi serta pembangunan di Malaysia?**

TZK: Apa dia?



**MAZ: Bagaimanakah sukan dapat meningkatkan sosioekonomi serta pembangunan di Malaysia?**

TZK: Ia begini, kalau kita bagus dalam sukan ini ada tarikan dia, misalnya kita boleh buat, dulu kita buat *Commonwealth Game* [Permainan Komanwel] ya atau tidak, tapi apabila kita buat *Commonwealth Game* [Permainan Komanwel] ini kita memperkenalkan negara kita.

**MAM: Kepada negara luar.**

TZK: Lihat Tokyo itu.

**MAZ: Ragbi Tokyo 2020**

TZK: Kasihan pada Tokyo ini, dulu dia Jepun ini lemah ragbi, yang masa itu Korea, Taiwan, Taiwan tiada lagi, Korea, Hong Kong. Jadi Fukuoka, Fukuoka Stadium saya ada pergi dulu, apa *game* [permainan] saya dah lupa, kita pergi ke Fukuoka masa itu.

**MAM: Tan Sri ingat nama stadium yang Tan Sri pergi itu?**

TZK: Fukuoka nama dia

**MAZ: Seperti Malaysia itu, di *Commonwealth Game* [Permainan Komanwel] itu Tan Sri ada terlibat juga ke?**

TZK: Saya Presiden masa itu, Presiden Ragbi, you lihat sekarang bola atau pun ragbi tiada orang *carry stretcher* [bawa usungan] kalau paling teruk pun dia akan bawa dengan buggy, kita yang *start* [mulakan] itu.

**MAZ: Oh, Malaysia yang pertama?**

TZK: Kita yang *start* [mulakan] ragbi *seven* [tujuh] *in a Commonwealth Game* [di dalam permainan Komanwel], *first time* [kali pertama]

**MAZ: *First time* [kali pertama]**

TZK: Dan masa itu, di World Rugby ini, *you* [awak] lihat buggy itu, buggy itu saya ilhamkan, saya pinjam buggy itu daripada Subang ke atau daripada apa itu.

**MAZ: Glenmarie**

TZK: Glenmarie, itu saya kata, saya pinjam, saya minta budak-budak Henry School [Sekolah Henry] Melaka buat bracket untuk *stretcher* [usungan] benda yang dibuat orang putih pun termasuklah *president of the world rugby union* [presiden persatuan ragbi dunia] ini dia bagi saya pen itu, dia mati disebabkan kanser, dia lihat itu dan kata *very good idea* [idea yang sangat bagus].

**MAZ: Ini bermaksud dia berminat dengan cara?**

TZK: Sekarang semua team [pasukan] guna, silap saya tidak buat apa itu *right* [hak].

**MAZ: *Copyright* [hak cipta].**

TZK: Kita buat dahulu

**MAZ: Bermaksud kita yang memulakan?**

TZK: Ya kita mula dahulu, sini kita yang buat, *otherwise* [melainkan] bawa *stretcher* [pengusung].

**MAZ: Berkenaan dengan fisioterapi itu?**

TZK: Fisioterapi ini saya tidak tahu sangat, tapi saya satu kali saya ingat, lupa untuk saya ceritakan, saya ini *boxer* [peninju] debing kalau di Kelantan, Kerana saya di Thailand ini belajar, saya pada hari itu tercabut bahu.

**MAZ: *Dislocated* [tersisih].**

TZK: *Dislocated* [tersisih], memang tidak rasa hendak balik takut ayah marah, tinggal di rumah kawan di Pasir Mas, pergi berjumpa dengan seseorang nama dia Pak Yeh di pondok Pasir Mas, seorang tukang urut, dia tekan dan pop (bunyi tulang) meraung saya kesakitan, minum air sejuk tapi syukur Alhamdulillah sampai sekarang *shoulder saya nothing* [bahu saya tiada apa-apa].

**MAZ: Tiada masalah apa-apa?**

**MAM: Jadi terus sihat daripada sakit itu.**

TZK: Tidak tahu, selalu tercabut ya atau tidak, saya pakai *rifle* [senapang] tiada apa.

**MAZ: Syukur Alhamdulillah**

TZK: Jadi fisioterapi ini bagus, tapi kena jaga jangan pergi kepada orang yang salah, kalau tidak salah tarik urat.

**MAM: Bahaya juga, takut lebih tercedera.**

TZK: Tapi saya, saya pergi sekali dengan dia, masa ituurut sekali sekala supaya bengkak itu hilang, sudah beberapa tahun itu, itu kali pertama, lutut saya pun saya buang hamper tiga puluh tahun buat di Universiti Malaya, Dr Menon dia yang *operate* [bedah] saya, dia rakam video dan tunjuk kepada saya, Allah, kalau aku sedar waktu itu, sakit ya Allah

**MAZ: Seterusnya, apa pendapat Tan Sri berkenaan dengan sukan di luar negara, perbezaan sukan di luar negara dan di dalam negara?**

TZK: Ia begini, di barat ini banyak buat *research* [penyelidikan], sukan pun dia ada buat juga tentang *training* [latihan] dan sebagainya, you lihat ragbi, I [saya] lihat ragbi dia *warm up* [panaskan badan] di Tokyo ya atau tidak, macam-macam cara dia *exercise* [senaman].

**MAM: Ada latihan?**

TZK: *Tackling* [terjahan].

**MAZ: Teknik-teknik?**

TZK: Jadi, pendedahan ini sangat besar, tapi ragbi kita meningkat sikit, bola yang kurang sikit.

**MAZ: Kalau di luar negara ini mereka ada buat *research* [penyelidikan]**

TZK: *Research* [penyelidikan]. Jadi saya lihat Terengganu, eh bukan, di Jepun *training* [berlatih], untuk *tackling* [terjahan] macam-macam yang dibuat semua pakai pad, bagus dan lihat hantaran bola, dulu *you* [awak] hantar begini (tangan tokoh menunjukkan cara hantaran ragbi) dia tangkap bawah macam *reflexes* (refleks).

**MAZ: Cepat reflex.**

**MAZ: Okey, seterusnya apakah sukan yang paling awal menjadi tumpuan masyarakat di Malaysia?**

TZK: Saya rasa bola.

**MAM: Bola sepak.**

TZK: Dahulu, saya bercakap tentang Kelantan, dahulu ada *inter-district* [peringkat daerah].

**MAZ: Peringkat daerah**

TZK: Ada lagi ke, saya tidak tahu.

**MAZ: Masih ada.**

TZK: Selepas itu kampung-kampung, selepas mengetam ya atau tidak, sekali setahun buat padi, main bola.

**MAZ: Main bola di sawah padi**

TZK: Main bola, siapa skor akan ada jeritan, sokongan dan sorakan orang kampung, seronok dahulu, kalau *you* [awak] pergi Pasir Mas, kita pergi jalan kaki, sekarang kena ada *transport* [pengangkutan]

**MAM: Naik kereta.**

TZK: Dahulu hanya jalan kaki sahaja.

**MAZ: Seterusnya, apakah pendapat Tan Sri mengenai penglibatan Malaysia dalam acara sukan antarabangsa, contohnya macam sukan Olimpik**

TZK: Jadi kita kena ambil bahagian, tapi kita tidak sehebat negara-negara lain, walaubagaimanapun kita sudah mula dapat masuk apa itu, bertanding di tempat Olimpik, ada *qualification* [kualifikasi] ya atau tidak, sudah mula ada, saya berpendapat kita mesti ada satu macam sekolah, *physical training* [latihan fizikal] *and like that* [dan macam itu], ting (bunyi notifikasi telefon tokoh), kalau di barat, China, Japan, Korea dia ada itu universiti-universiti

**MAM: Macam akademi**

TZK: *Sports academy* [akademi sukan], *sports very important* [sukan sangat penting], ia berkait dengan kesihatan

**MAM: Okey, seterusnya apakah pencapaian atlet sukan di Malaysia yang harus dibanggakan?**

TZK: Apa dia

**MAM: Apakah pencapaian atlet sukan di Malaysia yang harus dibanggakan?**

TZK: Badminton, tapi *swimming* [berenang] sudah mula ada, ragbi belum ada lagi.

**MAM: Ragbi mungkin nanti**

TZK: Tidak apa, suatu hari nanti.

**MAM: Macam hoki.**

TZK: Hoki pun kita *try* [cuba] juga.

**MAM: Penyertaan antarabangsa**

TZK: Hoki bagus kerana campur-campur, india ada

**MAM: Berbilang kaum dalam sukan itu**

**MAM: Apakah yang boleh menyebabkan atlet sukan boleh terlibat dengan masalah disiplin?**

TZK: Apa?

**MAM: Apakah yang boleh menyebabkan atlet sukan boleh terlibat dengan masalah disiplin?**

TZK: Saya berpendapat begini, individu yang mengambil bahagian ini, dia sendiri mesti buat, ha (tokoh sedang berfikir) kita mahu sesuatu, kita mesti berusaha, misalnya saya ada anak cucu, dia masuk marathon dia *train* [berlatih], berpakat dengan kawan dia untuk *train* [berlatih], saya ada dua cucu bermain bola, seorang itu hendak pergi ke Cambridge, seorang lagi sudah dapat masuk universiti, dia pula dijemput oleh *coach* [jurulatih] dia itu untuk membantu *coach* [jurulatih] itu membuat *training* [latihan], *to be a sportsmen* [untuk menjadi ahli sukan], kita kena ada ilham yang kukuh, kemahuan, dedikasi.

**MAZ: Okay, seterusnya apakah pendekatan sesuai yang boleh diambil untuk memastikan atlet sukan tidak mengulangi kesalahan atau pun buat masalah?**

TZK: Ia begini sebenarnya, kita berkata tentang individu, seperti contoh pemain ragbi, saya kena buat inisiatif, saya yang mesti pergi berlari, angkat *weight* [beban] untuk kuatkan badan saya, saya ada anak seorang Zakimi, disiplin dia, you pergi ke restoran Klang, pagi-pagi selain daripada hari jumaat tidak silap saya, pukul enam, pukul tujuh dia ada di koperat, *office* [pejabat] dia pergi awal dia buat



*driving* [memandu] *like that* [macam itu] mandi dan terus pergi kerja. Dia senang koperat dengan tempat kerja Ambank itu

**MAM: Dekat**

TZK: Dekat. Apa yang kita lakukan dalam hidup ini, kita mesti ada ilham itu sendiri, jangan asyik hendak bergantung pada orang lain, panduan ada, kena ada orang tunjukkan, macam yang saya kata tadi, saya lihat orang yang pergi ke kadet di Port Dickson itu atau pun pergi ke Universiti *Singapore* [Singapura] balik mari [datang] bercakap tentang motivasi diri, itu sepatutnya membangkitkan ilham kita, kalau mereka boleh buat, maka aku pun boleh buat

**MAZ: Dapat membangkitkan semangat**

TZK: Ya, saya balik ke kampung saya, kampung saya di Serendah, tidak ada orang yang boleh menaikkan semangat.

**MAZ: Membangkitkan semangat?**

TZK: Semua di Kuala Lumpur atau pun di Kota Bharu.

**MAM: Di luar semua?**

TZK: Saya rasa hendak berkata tentang *communication* [komunikasi] bukan, sekarang Kelantan pun sudah kaya kalau saya masuk di kampung-kampung dan tempat-tempat kemudahan dekat macam Gua Musang

**MAM: Senang**

TZK: Machang, Pasir Putih, Bachok pun tidak seperti dulu lagi, ada kemudahan.

**MAZ: Pusat pelancongan.**

TZK: Jadi, cuma kita kena memberi galakkan, yang saya hairan ini, kenapa budak-budak kita ini terlibat dengan dadah.

**MAZ: Gejala-gejala yang tidak sihat**

TZK: Saya rasa kita tidak.

**MAM: Memantau**

TZK: Mungkin kita ini dimanjakan

**MAZ: Punca-punca remaja mudah terlibat dengan gejala ini, apa pendapat Tan Sri mengenai ini?**

TZK: Orang kata budak melayu selalu berkumpul, india pun macam itu juga, cina pun sama juga, jadi kenapa melayu, Mat Rempit kenapa budak Melayu sahaja, kata tiada duit, yang menggunakan motosikal besar itu orang kaya, tapi yang kecil ini, pakai motorsikal besar macam kawan saya itu, jadi, ini satu perkara yang saya rasa kita patut banteras, lagi satu, \_\_\_\_\_ budak-budak yang berjaya ini kena membantu cuba lakukan perkara yang bermanfaat supaya tidak ketinggalan jauh, Cina, budak yang buat skrol diraikan, kita budak melayu takut, takut kena

batal *scholarship* [biasiswa], takut itu, takut ini macam-macam lagi, tidak boleh, kita dua, tiga hari ini dia [cina] sahaja yang masuk video semua

**FKH: Betul**

TZK: Cuba budak melayu yang buat, ada diraikan sebegitu ke

**MAZ: Kurang sambutan daripada masyarakat**

TZK: Pada saya, apa yang berlaku dua, tiga hari ini di kaum-kaum cina adalah sambutan, bukan itu sahaja, sekarang g24 pun *condemn* [mengutuk] juga, g24 itu kena lihat siapa dia, semua orang melayu semua including *tragedy* [tragedi] Tan Sri apa itu orang Penang dia sendiri, Dato' Awang Aman semua orang ini berkedudukan

**MAZ: Seterusnya, apakah pandangan Tan Sri mengenai pelaksanaan dasar-dasar sukan di Malaysia? Seperti contohnya Dasar 1 Murid 1 Sukan yang dipraktikkan di sekolah sekarang ini**

TZK: Saya tidak tahu tujuan adakah untuk *specialization* [keistimewaan], kalau betul untuk *specialization* adakah scheme ini sekarang berjaya menampilkan *footballer* [pemain bola] yang bagus, hoki yang bagus, perenang yang bagus, tidak banyak dalam dua, tiga orang ada, tapi, kita kena menjawab *assessment* [penilaian], baru boleh ada perkara begini.

**MAZ: Mengapakah kerajaan melakukan dasar-dasar tersebut ?**

TZK: Itu *I* [saya] susah nak bagi, hendak kata konsentrasi kenapa kita belum dapat lagi, apa tujuan, ada ke galakan atau wang diberikan kepada anak yang *specializes* [khusus] ini, *you* [awak] lihat kadang-kadang betul saya cakap, dulu masa sepak takraw tubit [keluar] setiap kampung ada *court* [padang] sekarang mana pergi, tidak ada kan, padahal sepak takraw ini *you* [awak] boleh buat *team* [pasukan] pergi jumpa kawan itu dekat bandar lain, boleh buat macam itu, tidak ada, sepak takraw tidak ada, satu lagi kan, satu sukan yang boleh menyatukan kita, selain sepak takraw main macam sekeliling betul atau tidak, bulu ayam ingat atau tidak, *you* [awak] main di kampung, itu yang bagus, budak-budak main, orang-orang muda main waktu petang selepas asar selalu pergi ke tanah padi dan main, seronok saya lihat, selepas itu, yang itu sebagai pemain, yang bersorak itu pula duduk hisap rokok daun, sekarang tiada, cuma saya tahu satu iaitu nasihat saya, kalau di masjid kurang nampak sangat, kalau *you* [awak] selalu pergi *highway* [lebuhraya] ya atau tidak, tempat RNR [Hentian Rehat dan Rawat], dalam RNR [Hentian Rehat dan Rawat] siapa sembahyang, banyak orang muda berhenti sembahyang tahu, itu selalu saya katakan kepada JAKIM [Jabatan Agama Kehakiman Islam Malaysia], kita tidak boleh kata yang orang kita ini \_\_\_\_\_, *you* [awak] pergi ke tempat-tempat ini *you* [awak] lihat budak-budak muda yang sembahyang, imam pulak itu, *you* [awak] pergi cari satu ruang dan sembahyang belah sana, kalau ini boleh berlaku, kenapa perkara lain tidak boleh berlaku, saya bimbang masa depan orang melayu kita, mungkin akan jadi macam Amerika, Red Indian, tengok budak cina ini yang buat poster itu, dia buat tv ke video.

**MAZ: Video.**

TZK: Apa bahasa yang dia guna, cina, kerana apa tiada tindakan, kedai-kedai yang menggunakan perkataan cina, tidak boleh, mereka kena menggunakan bahasa melayu.

**MAM: Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.**

TZK: Tiada, tidak buat. *Government servant today are not doing their duties* [penjawat awam hari ini tidak melakukan tugas mereka], kita ini keadaan orang melayu kita ini seolah-olah kita kena dadah, tidak berani bertindak, takut, *you* [awak] lihat macam-macam artikel sekarang, orang melayu yang tulis yang menghentam orang melayu itu sendiri, ada sesetengah yang bercakap, oh, kita tidak patut *differentiate* [membezakan] apa semua, kalau kita *differentiate* [membezakan] kita makin menurun, makin ke belakang, *you* [awak] cuba baca dalam paper dua, tiga hari ini kan kata budak-budak tiada duit, *malay* [melayu] sampai tidur di masjid nak belajar di universiti, *I never heard it* [saya tidak pernah dengar pun], \_\_\_\_\_ tapi susah hendak kata, kalau tiada duit macam mana pula boleh ha (tokoh sedang berfikir) beli barang-barang yang bukan berkaitan, selepas itu, budak cina dengan budak india pula tidak tahu dia tolong ibu-bapa dengan masa yang terluang, buat kerja, jual mi, buat *repair* [membaiki], ini saya rasa mustahak, satu lagi dari hari itu saya kata, sayang bagi orang yang bepersatuan ANSARA [Perlembagaan Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia] ke apa budak-budak MRSM [Maktab Rendah Sains Mara]

**MAZ: ANSARA [Perlembagaan Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia]**

TZK: Saya kata kepada *you* [awak] berapa ribu anak-anak kita yang lulus dan mendapat kerja yang bagus, yang gagal itu lain, tapi yang ada kelulusan yang ada pendapatan tetap, dengan erti kata lain boleh hidup, tidak boleh ke kalau *you* [awak] kira berapa sudah hari ini, hendak satu *million* [satu juta] sehari itu sudah tinggi, senang sahaja, cuma hendak organisasi, ada atau pun tiada

**MAM: Diam sahaja**

**MAZ: Macam kurang aktif**

TZK: Mereka takut, takut kena buang kerja dan macam-macam, kita punya persatuan polis tahu RESPA [Retired Senior Police Officer Association of Malaysia] kita buat koperasi, sampai sekarang kalau ada apa-apa kan, sakit, kematian ke, mereka akan *contributed* [sumbangkan]

**MAM: Persatuan yang bersara, polis yang bersara, Tan Sri**

TZK: Ya, *retired service officer* [pegamai yang bersara], tidak saya nafikan bukan semua hidup senang, tapi saya Yayasan Agama Islam

**MAZ: Yayasan**

TZK: Yayasan tiada berita langsung, anak saya sendiri pun tanya tapi saya tidak tahu nak jawab apa, seolah-olah macam ada Freemason

**MAZ: Kurang ada sumbangan**

TZK: Ia begini, ini yang saya kata mustahak sangat, kita tidak ada semangat *sacrifice* [pengorbanan]

**MAZ: Pengorbanan**

TZK: Pengorbanan, pengorbanan untuk agama kita, untuk bangsa kita, kita kena mempunyai sikap macam itu, lihat pada orang cina, tanpa kerajaan bagi insentif, mereka boleh bina sekolah lebih baik daripada kita, bangunan dia apa semua, pengorbanan, dia tahu bangsa dia ditindas, kita sekarang memang ditindas, betul.

**MAM: Selesa sangat**

TZK: *Yes* [ya], kalau tidak *start* [mulakan] buat bila lagi hendak buat, bayangkan kalau mereka berkuasa, mereka sekat kita kerana kita pun sekat dia, ini adalah realiti, saya pernah menjadi pengarah bagi satu syarikat, memang syarikat ini membuat duit, tapi percaya atau tidak kalau saya kata, saya yang *approve like that* [sahkan macam itu], gaji dia sahaja tujuh puluh ribu sebulan, belum bonus, tiga bulan, empat bulan, lima bulan, enam bulan bonus, saya bercakap ini kerana saya tidak boleh *interfere* [mengganggu] kerana *management* [pengurusan] setuju

**MAZ: Management [pengurusan] setuju**

TZK: Pengurusan setuju, memang *shareholder* [pemegang saham] pun setuju, *shareholder* [pemegang saham] kalau *you* [awak] bagi duit gembiralah mereka, bukan macam kita Tabung Haji pun nak, tergamaknya duit yang saya simpan untuk pergi haji habis, yang saya marah sangat ini \_\_\_\_\_ saya percaya sangat kepada Tabung Haji ini, lepas dengar cerita, tapi saya sudah pergi dua kali sudah haji, anak-anak saya pun pergi sudah, kalau *you* [awak] tidak masuk sekarang, bila *you turn* [giliran awak] tidak tahu, ada sesetengah itu sampai tiga puluh tahun baru boleh pergi

**MAZ: Okey, seterusnya Tan Sri bagaimanakah sekolah sukan boleh bertindak sebagai tempat untuk melahirkan pelapis-pelapis atlet sukan negara?**

TZK: Kena fokus, jadi kita tidak boleh sambil lewa sebenarnya, misalnya kita ada sekolah sukan di Bukit Jalil, jadi kita patut beri konsentrasi kepada akademik selain sukan, takkan bermain bola sepak dua puluh empat jam dan jangan pilih kasih bagi kerja itu, staf ini yang berminat

**MAZ: Seterusnya, bagaimanakah peranan sekolah itu dapat memupuk semangat perpaduan kaum?**

TZK: Ini satu soalan yang bagus, kita lihat pada sekolah, lihat pada bola sepak, kita ambil bola sepak sebagai contoh, semasa semua kaum ada, *support* [sokongan] ramai di stadium

**MAZ: *Support* [sokongan]**

TZK: Sokongan, jangan ambil teladan orang Jepun, orang Jepun tidak apa kerana semua orang dia, tapi dalam negara kita ini banyak campuran, lihat saja pada bola sepak, sekarang sepak takraw tidak ada cina, tidak ada india dan satu lagi badminton pun ada juga orang melayu tapi kerana ramai budak cina

**MAZ: Mengapa terjadi perkara begini?**

TZK: ea (tokoh tidak memahami soalan)

**MAZ: Mengapa terjadi perkara-perkara yang Tan Sri sebutkan tadi?**

**MAM: Kenapa cina memonopoli badminton, melayu bola sepak**

TZK: Cina monopoli mungkin kerana dia ada kemudahan misalnya kita balik kepada futsal, futsal tiada duit, berapa sewa sehari kalau satu *game* [satu permainan], begitu juga dengan badminton ini sewa *court* [padang badminton] berapa, senang sahaja ada orang kata, apa susah ada kelab ada futsal pergi main sanalah, bukan



semua orang boleh pergi main futsal, berapa satu *game* [satu permainan], Seratus lebih [dak] kan

**MAM: Kena bayar**

TZK: Seratus lebih, kalau tidak siapa mahu buat bangunan di situ, di sini ada satu dekat dengan belakang Ampang Puteri dak [kan] ada futsal di situ \_\_\_\_\_

**MAM: Tan Sri apakah kesan kalau cina memonopoli badminton, melayu monopoli bola sepak, apakah kesan yang berlaku?**

TZK: Ia begini, kita hendak perpaduan, *game* [permainan] ini mustahak, begitu juga dengan sekarang, saya berani kata kita sekarang ini jauh daripada perpaduan, cina dia minta nak masuk apa itu, masuk universiti buat *qualification* [kualifikasi] macam itu, itu satu, benda-benda lain pun dia buat juga, india pun cuba juga, tapi india mungkin tidak berjaya kerana dia kecil sangat, india ini jumlah yang kecil selepas itu kuasa duit dia pun tidak banyak, cina [laillahailallah] banyak duit, dia banyak duit, senang sahaja buat *million* [juta] you [awak] lihat Universiti Tunku Abdul Rahman itu, habis bukit-bukit dia buat kolej. Selepas itu gaji orang-orang dia tahu. *You* [awak] tengok Cina yang buat buat *school* [sekolah], tentu dia akan dapat hidup yang bagus. Pasal orang macam dia tidak boleh *gustan* [patah balik] dah. Ada suatu masa itu, Tun Dr Mahathir ini, bagi *speech in English* [ucapan dalam Bahasa Inggeris]. Cakap dalam Bahasa Inggeris dalam satu forum, something like that [sesuatu yang macam itu] lah. Sekarang dia apa? Dia pula yang menyokong puak-puak ini. Ada dalam *paper* [suratkhabar] mana entah. Saya masih ingat lagi. Pasal apa, saya pernah di jamuan makan duduk sekali dengan orang-orang yang kena *harass* [dimalukan] ini, delegasi pun ada sekali dekat situ lah. Dia kalau ada kita lain sikit. Jadi, kita harus bangunlah. Hari ini ada satu mesyuarat di Majlis Perundangan Melayu berkenaan dengan apa yang berlaku sekarang ini. Saya tak

pergi lah sebab ada *interview* [temubual] ini, tetapi saya sudah beritahu. Saya kata maaf lah sebab jadual saya *fit* [ketat] sangat. Sebab semalam saya cakap dengan Profesor *you* [awak]. Tetapi, yang itu saya kata macam ANSARA [Persatuan Bekas Pelajar MRSM] ini, salah satu kolej Melayu. Kita mesti bersatu dan jangan terlambat, selagi kita ada duit ini sumbang lah. Cuma kita kena pilih orang yang nak jadi itu jangan orang yang nak berpolitik, betul-betul kena cari orang Melayu yang ada mempunyai semangat dan jiwa Melayu ini.

**MAZ: Seterusnya, pada pendapat Tan Sri apakah yang akan berlaku sekiranya generasi sekarang tidak melibatkan diri dalam sukan?**

TZK: Kalau kita tidak melibatkan diri, kemana kita pergi, selalunya orang yang aktif sukan semua ini dia ada disiplin, salah satu tidur awal, makan baik dan sebagainya. Semoga dia dapat, menikmati, kedudukan dalam sukan dan mesti perangai dia \_\_\_\_\_. Dia begini orang sukan ini kalau kita latih dari kecil lagi anak-anak kita bersukan, dia akan menyemaikan jiwa ataupun semangat. Kita *train* [latih] macam nak masuk marathon, tinggal beberapa hari mesti *training* [berlatih] punya. Macam nak naik begitu juga. Macam dulu, masa saya jadi Ketua Polis Pulau Pinang, daripada rumah saya nak pergi ke balai polis, kadang-kadang satu jam, kadang-kadang tiga jam. Akhirnya saya dapat buat satu jam lebih, jalan cepat, kemudian jogging. Tetapi turun, saya turun dengan kereta api sebab takut sebab lutut, turun bukit ini bahaya.

**MAM: Masa jalan itu, Tan Sri keseorangan ke atau ada geng-geng Tan Sri?**

TZK: Geng, ada geng. Kalau you [awak] tanya Tun Hanif dia tahu la. Dia kata zaman itu bagus naik bukit cepat-cepat tapi turun itu takpa, tapi apa? Nasi lemak. Ada seorang pegawai Singh, Sarjeet. Dia selalu bercerita. Pastu katanya Tun Hanif, *you also fat* [awak pun gemuk]. Dia pun kata, saya pun makan roti canai banjir. Saya setuju. Sukan ini boleh menyemaikan jiwa pada kita.

**MAM: Okey, seterusnya Tan Sri kita akan beralih soalan tentang Bola Sepak di Malaysia. Bilakah sukan bola sepak mula diperkenalkan di Malaysia?**

TZK: Lama dah. Semasa zaman British dulu lagi. Sebab saya ingat lagi, dulu dia punya *troop* [askar] main bola sepak dan ragbi. Tetapi, bola sepak memang dia bawa oleh British ke Tanah Melayu. Pasal apa, masa saya kecil lagi orang main bola sepak itu. Sawah padi, padi ini apabila musim kemarau di Kelantan ini macam padang lah boleh main.

**MAZ: Pada tahun berapakah seingat Tan Sri bola sepak mula dimainkan?**

TZK: Hurmm (berfikir), lama dah. Masa di kampung, kita tiada bola ini kan, kita buat bola sepak. Macam mana kita buat bola itu? Getah la. Kita balut dengan kertas itu main. Bola itu tak macam bola biasa lah kan.

**MAM: Apakah kategori-kategori yang mula dipertandingkan dalam sukan bola sepak di Malaysia?**

TZK: Setahu saya sekolah. Di peringkat sekolah Melayu dah ada bola sepak ini. Saya masih ingat itu.

**MAM: Maksudnya dekat sekolah itu, ada peringkat bawah 19. Bawah 17 macam itu?**

TZK: Eh tak, masa itu tak sampai umur sembilan belas tahun, darjah enam tu pun baru berapa baru. Orang dulu-dulu umur lapan belas tahun dah main dah dulu.

**MAM: Apakah sukan bola sepak dari pandangan sosial?**

TZK: Saya kalau tengok di negara kita inilah, dan juga apabila kita tengok *crowd* [penonton] di England, UK kan, Arsenal, kelab-kelab dia lah, dia pun duduk kawasan itu sokong, macam satu negeri lah. Kita sepatutnya boleh wujudkan perkara ini disini. Misalnya, katalah Ampang Kelab. Lepastu mungkin tak wujud lagi, tapi kena ada kelab itu, lawan Pandan Kelab ke, lawan PJ Kelab ke, begitu lah. Barulah, setahu saya PJ dah ada kelab, ada dah dah kelab. Jadi, kenapa tidak boleh ada kelab-kelab macam ini. Di peringkat kampung, setiap kampung ada mukim dia dak [kan]. Ini satu yang boleh buat, untuk membina muda mudi yang ada kesedaran lah. Lepas itu lagi kalau kita ada kelab-kelab ini, kita boleh ada satu aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum. Misalnya di kawasan Cina kata lah, ada juga yang macam itu. Ada realitinya, misalnya, di Serdang boleh katakan sembilan puluh peratus orang Cina, mungkin kelabnya semua Cina. Dulu ada satu masa, sekolah Cina, saya rasa MBS. MBS ini banyak Cina main dengan V.I [Victoria Institution] dan sekolah lain, kemudian berkelahi. Kita tidak mahu macam itu la. Lagi satu, \_\_\_\_\_. *I think* [saya fikir] kita kena ada mix [campur].

**MAM: Di samping itu, apakah pendapat Tan Sri tentang bola sepak?**

TZK: Saya rasa ini lah satu sukan yang menjadi universal sport [sukan umum], semua orang, semua negeri main bola kerana senang nak main bola. Ramai-ramai main. Lepas itu, mungkin tidak ada padang semua. *You* [awak] tengok Afrika, saya pergi ke \_\_\_\_\_, Afrika tahun 1988. Kursus di sana.

**MAM: Kursus apa itu Tan Sri?**

TZK: Saya nasib baik di hantar di Royal College Defence Studies. Royal College Defence Studies ini dulu, kursus untuk tentera sahaja. Dipanggil masa itu, Imperial Defence College. Tapi sekarang dipanggil Royal College Defence Studies. *It's a very good course* [Ia merupakan kursus yang baik]. Satu tahun.

Kita banyak melawat lah, Afrika banyak saya pergi, lepas itu *Europe* [Eropah]. Tetapi memang course [kursus] ini *very prestigious* [sangat hebat] lah sampai daripada *tie* [tali leher], di England itu ada yang cakap, “*that; s a peaceful tie*” [tali leher itu cantik] katanya, *tie* [tali leher] itu senang sahaja, tetapi *comei* [cantik]. Saya pakai sekali, saya nak pergi ke seminar di Oxford, adalah empat lima orang, semua polis tetapi saya seorang yang pakai *tie* [tali leher] itu. Mereka tidak tahu, Orang putih itu kata, “*That’s a beautiful tie*” [Cantiknya tali leher itu]. Tetapi dia nakal sikit lah. Tun Hussin went to Jordan [Tun Hussin pergi ke Jordan], went to college. Dia kalau di Britain, kalau kita *South-America, European, Japan and then Russia* [Selatan Amerika, Eropah, Jepun dan kemudian Rusia] satu daripada \_\_\_\_\_ masa saya itu. *Universal* [umum] lah.

**MAM: Lepas itu Tan Sri, apakah pengertian sukan bola sepak kepada Tan Sri.**

TZK: Dia satu, mungkin sebab sukan bola sepak digemari oleh masyarakat kita, bukan setakat pemain, kepada *crowd* [penyokong] juga yang selalu sorak. Satu tempat yang macam-macam \_\_\_\_\_ bawak. Ada yang bawak keluarga. Ini satu tarikan yang baik kepada dan saya rasa kita sepatutnya bagi fokus pada sukan ini, naik kan *standard* [mutu], supaya menarik lah. Sekarang dah berlaku, macam negeri main lah, Macam Terengganu, penyokong mari tengok di Kuala Lumpur ini, Kelantan ke, Johor, bendera tuh. Jadi kita patut galakan, kerana ini bagi satu semangat yang baik. Yang kedua, nilai. Saya rasa bola sepak ini, boleh jadi tarikan kepada anak-anak sampai ke orang dewasa, itu yang mustahak itu, dan kalau ada padang lah, yang itu saya kata kan, kalau kita ada padang tak besar macam *standard* [biasa] padang, pun takpa lah. Asalkan boleh main. Sepak takraw pun begitu juga. Badminton dulu kampung-kampung pun ada, sekarang tiada. Sepak takraw hilang. Kenapa tak tahu la. Macam mana kita nak menyedarkan ini, kerajaan lah. Biarlah nak *concentrate* [fokus] nak *produce* [menghasilkan] \_\_\_\_\_, bagus tapi jangan lupa orang biasa ini, pasal apa kalau *you* [awak] main sukan mana-mana pun letih, tidur lah tidak pergi merayau. Ini mat rempit, itu pasal mat rempit ramai. Kalau *you* [awak] pergi Kuala Lumpur malam-malam, keluar tempat itu geng motosikal ramai ada. Duduk meja-meja

terbuka itu, duduk bercakap. Tetapi kadang-kadang tempat itu saya lalu, pergi ke tempat itu, mereka tengok diam sahaja. Itu *you should play that point* [awak patut mainkan peranan ini], baru dapat menarik. Ini dulu, ingat tak orang kampung main bulu ayam, sepak-sepak biasa pun boleh buat jugak. Kenapa perkara ini hilang. Itu mustahak. Kalau dulu orang Kelantan pergi kerja di Singapore ke Johor ke Penang ke, jadi ada duit sahaja dia balik, dia buat rumah. Tidak seratus *percent* [peratus], dia buat sikit-sikit dulu. Itu saya pergi ke Kelantan, ada rumah tiada tingkap, tak siap lagi, dan macam-macam, pasal apa ada duit dia balik buat lepas itu dia pergi kerja. Satu lagi, bumbung kan, kadang-kadang dia buat sendiri. Orang kampung dulu dia pandai tahu, dia ada kemahiran. Dia buat kerangka dahulu, dia pasang siap, apabila dah elok semua, dia buka dan pasang atas. Yang ini dia minta tolong lah, dia panggil kawan-kawan buat. Buat pagar senang sahaja, pastu ramai tolong. Dulu, kalau nak minta pertolongan, ketua kampung itu main 'Tuan'. Orang panggil Tuan dak [kan]. Cara-cara bunyi pun lain. Kalau nak minta tolong lai-lain bunyinya. Eh kena cari benda ini, *duduk* [di mana] dah.

**MAM: Apakah kebaikan sukan bola sepak untuk Tan Sri?**

TZK: Saya rasa sukan bola sepak adalah satu sukan yang menarik, bukan sekadar sukan itu sahaja, tetapi penyokong, masyarakat lah. Lebih pada itu, penyokong-penyokong lah, masyarakat untuk pergi melihat. Bukan sahaja mereka pergi ke stadium. Ini, ini (sambal menunjukkan ke arah televisyen). Kalau ada perlawanan elok. Hari Sabtu, tak payah cakap lah, nak tengok bola, dengan keluarga lagi. Satu lagi sekarang, dulu kita dekat-dekat di Kampung, jiran-jiran datang mari. Sekarang dah tiada ada dah. Saya mula-mula ditukarkan dari Kuala Lumpur ke Penang, saya beli satu rumah di Setapak Garden di \_\_\_\_\_. Rumah saya itu cornerlot [lot hujung], rumah teres. Kita kalau petang-petang, sebelum maghrib, khususnya bula puasa, duduk di atas \_\_\_\_\_, duduk tepi jalan bercakap-cakap. Itu bulan puasa. Otherwise [selain itu], itu tempat *conference* [perjumpaan], macam perjumpaan, *informal* [tidak formal]. Bukan lah kata, masuk-masuk rumah ke tak,

duduk situ. Lepas itu, kalau tuan rumah itu rajin, dia buat lah teh-o, sirap ke bawak keluar ke sini. Empat, lima, enam orang jer bercakap macam-macam. Disebabkan inilah, isu-isu timbul. Yang pengtingnya, penyatuan. Sekarang dah tiada.

**MAM: Mengapa boleh berlaku begitu seperti tiada penyatuan?**

TZK: Saya heran lah perkara ini, dulu kita berkawan tahu, sekarang banyak *privacy* [tertutup], sini tiada. Orang Melayu tak ramai kan, pastu ada jiran saya ini, rasa dulu dia *spy* [pengintip], suami dia mungkin orang Brunei. Tetapi dia pun mati mengejut, jadi dia pun tinggal seorang sahaja. Makan pun tak.

**MAM: Tan Sri selalu jugalah juga melawat dia?**

TZK: Melawat lah di belakang, selalu bagi nasi lemak bagi ke dia. Dia kata dia sakit, dia seorang. Saya suruh budak Indonesia saya jaga ni, pergi tengok dia. Tapi dulu, seronok tahu, duduk bercakap dengan kawan-kawan petang-petang. Satu lagi tahu, tak tahu la sini berlaku ke tak, tapi kalau dulu dekat Kelantan, hari Jumaat selalu ajak kawan makan dekat rumah dalam pukul sepuluh. Makan pagi lah, bukan pagi benar dalam pukul 8 itu tak. Dalam pukul Sembilan ke sepuluh, pergi berbual-bual sampai pukul satu atau dua. Di IPJ dulu ramai, kita panggil kawan-kawan lah, gilir-gilir rumah lah, hari ini rumah orang ini, minggu ini orang ini, kita pergi dalam pukul sembilan atau sepuluh balik dalam pukul empat atau lima. Dia buat lunch [makan tengah hari], dengan bini [isteri] saya sekali. Suka masa tu. (Azan berkumandang)

**MAM: Lepas itu Tan Sri, sekiranya tiada penyatuan, apakah kesan yang akan berlaku pada masa hadapan?**

TZK: Saya tak tahu lah. Macam disini lah, saya tahu lah sesetengah orang tinggal rumah, pergi melawat kawan dia dekat PJ [Petaling Jaya] lah dan sebagainya. Perkara ini berlaku di *oversea* [luar negara] juga. Apabila perkara ini berlaku, maka hubungan dengan jiran-jiran tiada lah. Masing-masing buat hal sendiri. Saya lagi suka pada kita ada semangat kejiranan lah. Semangat kejiranan ini kita kena ada.

**MAM: Seterunya Tan Sri, apakah sambutan rakyat terhadap sukan bola sepak setelah diperkenalkan di Malaysia?**

TZK: Saya begini lah, ketika di kampung dulu kalau ada pertandingan bola kan, selalunya kalau di Pasir Mas tu, daripada kampung-kampung ni orang pergi main di pertandingan ikut mukim-mukim di Pasir Mas. Jalan kaki pergi tengok. Jauh perjalanan, dalam lima batu ke enam batu ada lah. Kami pergi ikut *railway line* [garisan kereta api] tu.

**MAM: Maksudnya pergi ramai-ramai lah?**

TZK: Selalu kita tahu dah, kita pergi ramai-ramai. Kadang-kadang kita pergi awal pagi lagi, pergi ke *market* [pasar], tengok-tengok, tapi kita pergi juga sebab di kampung *environment* [persekitaran] lain. Saya rasa bola sepak ini adalah satu penarikan untuk masyarakat lah. Boleh bawa masyarakat untuk berkumpul, meriah dan juga apabila ramai ada orang ramai berhimpun, \_\_\_\_\_ boleh buat duit.

**MAZ: Mengapakah penglibatan zaman dahulu, penglibatan lebih meriah dari zaman sekarang?**

TZK: Aikk, keadaan meriah ini lain terus, tapi kalau zaman dahulu memang kita pergi tengok, tapi macam sekarang ini penonton tegar diaorang ini. Sebagai contohnya,



team Ampang, orang Ampang akan pergi. Pendek kata, bola sepak ini satu sukan yang patut diberi galakan sangat lah.

**MAZ: Maksudnya Tan Sri, bola sepak ini boleh menjadi alat untuk menyatupadukan masyarakat lah?**

TZK: Ya, bukan masyarakat Melayu sahaja tetapi semua kaum. Di negara ini, kita buat bola sepak ini, semua pergi tengok, Cina, Melayu, India semua pergi tengok. Tetapi sekarang ini nampaknya berkurang sangat. Saya rasa begini, orang India masih ada tetapi dia kecil lah, Cina oleh sebab dia tidak bermain bola sepak, mungkin juga sebab mereka tidak selesa. Kalau dulu baguslah, sampai dia cakap Melayu “tiada guna itu orang”, dia cakap macam-macam lah.

**MAM: Jadi sekarang ini, cara atau inisiatif untuk rapatkan kembali?**

TZK: Saya rasa begini, sekolah. Dulu universiti-universiti pun saya pergi tengok, budak Cina, India dan Melayu main bola sepak, main badminton ramai-ramai sekali, di Universiti Malaya tu. Tiada apa-apa pun. Sekolah ini bukan untuk akademik sahaja, untuk sukan dan interaksi kaum. Patut diberi galakan.

**MAZ: Bagaimana di peringkat sekolah itu dapat untuk memupuk lagi perpaduan kaum itu Tan Sri?**

TZK: Begini, kenapa keadaan bola sepak tidak seperti dahulu. Ini sebab masalah masalah *education* [pendidikan], tidak setuju banyak. Ada yang kata kita try [cuba] untuk *convert people* [tukar pegangan] mereka lah, *school is not so good* [sekolah tidak bagus], bimbingan tidak bagus dan macam-macam. Tidak ada keyakinan anak-anak mereka dapat bimbingan yang setimpal dari segi akademik dan sebagainya, Tapi kalau sekolah Cina pun kalau *you* [awak] tengok, dulu kalau

sekolah Cina tu rambut pendek, *the girl* [kanak-kanak perempuan], sekarang tidak dah, tukar dah. Keadaan sekarang pun berpecah. *You* [awak] pergi hospital kan, *Chinese patient tend to get their own people, India especially* [Pesakit Cina biasanya mahu orang berbangsa sendiri untuk melayan mereka, kaum India terutamanya] cakap India. Masa saya daulu campur, sampai sekarang kita sekali ex SIC, ex V.I hostel dan *lunch* [makan tengah hari]. Tak ramai dah ramai mati.

**MAZ: Apakah solusi untuk berkaitan perpaduan kaum ini?**

TZK: Hari ini saya hentam, bukan hentam to *my schoolmate* [rakan sekolah], dia ada buat satu video di mana dia buat nyanyi lagu-lagu Melayu. Saya kata bagus. Tapi saya kata keadaan dah bertukar, kalau dulu memang bercampur. Di sekolah begitu juga. Tapi sekarang tidak, dan sekolah pula kalau budak-budak Cina di hantar di sekolah kebangsaan adalah yang miskin dan tidak ada hubungan dengan \_\_\_\_\_. Mostly [kebanyakan], kalau orang kaya masuk *private school* [sekolah swasta]. Mahu tak mahu *we had to change* [kita perlu berubah], kalau tidaj kita akan jadi macam di Sri Lanka, macam di Amerika, lepas itu di India. Kita tidak mahu sebenarnya. Kerajaan kena cari cara, Jangan politik sangatlah. Kita sekarang ini kerana politik, nak sokong Melayu kena buat Melayu semua, Tetapi kita salah lah, ingat tak lagi kes rotan budak Cina dapat 10A tak dapat *scholarship* [basiswa], bukan satu kes tapi banyak kes. Ehuk (Tokoh batuk). Saya nasib baik mak dan bapa Melayu, Kalau tak percaya *classmates* [budak kelas] saya Khalid, Zainudin, setengah jam dah tunggu baru dapat masuk.

**MAZ: Apakah yang perlu kerajaan lakukan, inisiatif atau cara?**

TZK: Apa yang pentingnya, baik Cina, baik Melayu, baik India janganlah timbulkan perkauman sangat, Yang saya sendiri marah, kerana mereka tidak menghormati perlembagaan. Semua mereka sudah dipersetujui, bukan dibuat di kedai kopi, sudah dipersetujui oleh nenek moyang mereka. Kalau Cina, Tun Tan Cheng Lock,

Tun V.T Sambathan, semua setuju dah kenapa semua nak langgar. Saya pernah jadi pengerusi atau Jawatankuasa Tanah Melayu. Saya tahu kerajaan ambil tanah Melayu ini bagi dekat orang Cina, tak ganti. Dalam perlembagaan kata, *you* [awak] bagi satu hektar, awak kena ganti satu hektar secepat mungkin.

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah sukan bola sepak dan penglibatan dalam FAM bersama Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh belaiiau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.**

**Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai sejarah bola sepak dan penglibatan dalam FAM [Persatuan Bola Sepak Malaysia]. Bersama-sama kami ialah Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan yang merupakan seorang tokoh polis yang melibatkan diri dalam sukan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 26 November 2019 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 10.00 pagi bertempat di Ampang Jaya, Selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Mohamad Akif bin Mohd Asri dan juga Muhammad Amirul bin Mohd Zin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**MAM: Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Tan Sri. Pada hari ini Selasa, 26 November 2019. Kami akan sambung temubual untuk sesi ke 2. Okey hari ini soalan berkenaan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Apakah maksud FAM (Persatuan Bola Sepak Malaysia) bagi Tan Sri? Definisi FAM.**

TZK: Kalau saya lah, bola sepak ini adalah satu permainan yang digemari oleh semua orang. Kalau macam sepak takraw itu orang Melayu main dak [kan], kalau *basketball* [bola jaring] kaum Cina main lah ya, kaum India tak tahu lah kan. Tapi hoki itu pun bercampur lah. Tapi bola sepak ini boleh dikatakan sembilan puluh peratus orang Melayu, tapi sebelum kita ada masalah berkenaan dengan bangsa, bahasa dan minta macam-macam. Itu melibatkan dan juga dikatakan penyebab taraf pelajaran kita [masayarakat Malaysia] rendah. Maka orang Cina, \_\_\_\_ Jadi dia [masayarakat Cina] tak bermain bola di sana. Tapi kalau zaman dahulu, masa cakup masa dah kerja pun. Seperti nama apa dah itu Ah Chin hmmm (berfikir) Soh Chi Aun, pastu Goalkeeper kita itu *The Spyder* [labah] dah mati dah, kalau bek [defender] itu yang Singh kita itu apa nama ?

**MAZ: Santokh Singh**

TZK: Oh, Santokh Singh dak [kan]. Jadi kita dapat sambungan seperti *multiracial* [pelbagai kaum] campur-campur, ramai pergi bukanlah kata boleh bilang dak [kira kan]. Tapi itu lah kita [rakyat Malaysia] punya rujukan perpaduan, tapi kita orang Melayu, saya terlibat dengan perkara ini lah, terlibat sebagai \_\_\_\_ Bagus tidak ada masalah, kalau bola sahaja memang penuh. (Telefon berdering). So [jadi] kalau bola sepak ini memanglah permainan yang boleh menyatupadukan tapi malangnya oleh sebab pelbagai perbezaan kita dari segi pelajaran dan sebagainya, kurang orangnya [penyokongnya]. Seperti badminton, orang Melayu, orang Cina ramai [dak] kan. Jadi itu sebab yang saya katakan kalau perpaduan kita ini mesti dalam sukan. Macam *swimming* [acara renang] (Bunyi Motosikal) kan kita kata pakaian tak elok kan, tapi jugak penyokong. Macam cucu saya seorang itu, dia long distance swimmer [perenang jarak jauh] ini dia sekarang *form five* [tingkatan lima] tahun depan mungkin melanjutkan pelajaran di lain tempat lah di SATT College. Dia bagus kerana pakaian dia jaga dan tak menonjol. Jadi saya rasa inilah yang mustahak, bola sepak ini adalah sukan yang menunjukkan perpaduan kita

**MAM: Okay Tan Sri, apakah peranan atau tujuan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) ini ditubuhkan di Malaysia?**

TZK: Jadi, dulu dah lama FAM ditubuh, tujuan senang sahaja, (loceng berbunyi) untuk menentukan tahap permainan kita ini meningkat, *team-team* [pasukan] kita meningkat, jangan duk [asyik] bergaduh-gaduh. Jadi setiap negeri ada persatuan bola sepak betul tak? Macam saya dari Kelantan, tiap-tiap daerah di Kelantan itu ada *team* [pasukan], tapi saya tahu sekarang macam mana, kita ada pertandingan di peringkat *district* [daerah]. Itu pun mendapat sokongan juga. Persatuan lah, FAM yang bertanggungjawab untuk meningkatkan mutu permainan kita dan ada juga buat *sponsorship* [tajaan] daripada kerajaan, tapi lebih kepada *commercial form* [pengiklanan] lah. Tetapi, Malaysia menghadapi masalah apabila mengharamkan rokok dan minuman keras, jadi sponsor jadi berkurang. Jadi, FAM ini baguslah dapat menentukan dan meningkatkan mutu, seluruh negara juga ada mempunyai persatuan bola sepak *national* [negara] mereka. Yang itu lah yang menyebabkan penubuhan persatuan bola sepak negeri, saya rasa daerah pun ada, tapi yang muncul sangat ialah FAM dan persatuan bola sepak negeri. Pada saya, peranan FAM ini lah yang untuk meningkatkan permainan kita [pasukan bola sepak Malaysia]

**MAM: Apakah pendapat atau pandangan Tan Sri tentang FAM?**

**TZK:** Saya lama juga terlibat dengan FAM ini dalam lima tahun atau enam tahun juga tapi saya terlibat sebagai Pengerusi Tatatertib Disiplin, tapi ingat sebelum saya datang ke Kuala Lumpur, saya pernah terlibat dengan *football association* [persatuan bola sepak] Negeri Sembilan di Pulau Pinang. Di situ Negeri Sembilan, disitu Pulau Pinang jadi kami di *recruit* [dimasukkan] lah, dapat bantu dari segi *security* [keselamatan], perkhidmatan. Saya ingat di tiap-tiap negeri itu ada pasukan-pasukan bola sepak negeri, *district-district* [daerah-daerah] ada, tapi *state* [negeri] ini bagus dia ada coach [jurulatih] apa semua, kalau *district* [daerah] nak ada *coach* [jurulatih] mahal, tapi ini *state* [negeri]. Kalau Negeri Sembilan, Johor semua ada *coach* [jurulatih] dak [kan]. Ini meningkatkan permainan, apabila permainan kita meningkat di peringkat negeri atau di peringkat daerah kan, kita akan menarik sumbangan derma atau bantuan yang dulu orang ramai. Jadi bila orang ramai, kalaulah sistem pelajaran kita ini bercampur macam dahulu, *I don't know* [saya tidak tahu] lah masa dulu. Masa saya dahulu, \_\_\_\_\_ dah ada

Cina, dah ada India dah, pastu masuk *Standard six* [tingkatan enam] ada dah, masa *form one* [tingkatan satu] dulu bercampur, pasal apa dulu dia ada satu sistem *remove class* [pindah kelas]. Remove ini, murid sekolah daripada sekolah Cina dan juga India termasuk Melayu tahu, Sebab itu Melayu dari sekolah Melayu itu pergi ke sekolah yang mana ada English. Yang itu yang sekolah remove itu. Saya rasa dulu apabila *remove class* [pindah kelas] dah ramai, itu dibuka di Tanjung Malim, dia ada buat *remove class* [pindah kelas] di Tanjung Malim, \_\_\_\_\_ ada juga, tapi pada masa itu boleh dikatakan walaupun bercampur tetapi apabila populasi Cina ini meningkat, kurang. Orang Cina ini pergi ke sekolah dia. Jadi itulah, bola ini saya rasa kalau pandai kita buat, tapi dia berkait dengan sistem *education* [pendidikan] lah, kalau kita ini macam dulu lagi, saya rasa bagus ramai, betul-betul akan berubah. Boleh dengar kalau Cina kalau dengar dengan puak-puak dia, tapi kalau Melayu kalau bercampur dengan puak-puak dia bercakap (bodoh) la, and then dulu pun oleh sebab percampuran, tempat-tempat first class yang kena bayar tinggi tu, ramai orang dia pun, orang Cina bercampur. Tapi sekarang ini minta maaf la dah kurang dah, yang tu saya heran macam mana *coach* [jurulatih] tapi dari segi coach tu macam mana. Tengok kita punya Malaysia team, *coach* [jurulatih] dia orang bukan orang Melayu. Satu lagi permainan, tapi tak sama *value* [nilai] nya dengan bola. Hoki ada India, ada Melayu, ada Cina. Tapi nampaknya sekarang budak Melayu yang ramai main kan.

**MAM: Disamping itu Tan Sri, apakah visi dan misi FAM?**

TZK: Visi dia itu lah untuk meningkatkan tahap permainan kita supaya negara kita terkenal lah \_\_\_\_\_ dan menunjukkan negara kita ini main bagus. Sekarang nak ada Sea Games dak [kan], Sea Games ini menonjol jugak kan imej negara kita. Macam negara kita pukul [kalahkan] Indonesia dak [kan], lepas beberapa hari pukul [kalahkan] Thailand. Ini menaikkan lagi populariti negara kita.

**MAM: Macam soalan tadi pada Sea Games, pernahkah Tan Sri terlibat dengan acara Sea Games?**

TZK: Sea Games saya ada pergi ke Bangkok, tapi saya bukan sebagai acara bola sepak, saya pergi sebagai Chief Exhibition [ketua pameran].

**MAZ: Sebagai apa Tan Sri?**

TZK: Chief Exhibition [ketua pameran]. Sea Games tahun berapa entah, saya lupa dah.

**MAM: Seterusnya Tan Sri, bilakah tahun Tan Sri memegang jawatan sebagai AJK dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?**

TZK: Allah saya lupa, (hmmm) itu benda ini saya jadi pada saya \_\_\_\_\_ Kuala Lumpur. Masa itu saya terlibat lah. (bunyi hon)

**MAM: Ketika Tan Sri menjadi AJK Disiplin itu, siapakah yang menjadi Pengerusi FAM?**

TZK: Tuanku Sultan Pahang

**MAZ: Berapa ramai ahli jawatankuasa FAM ketika itu?**

TZK: Ramai ketika itu, dia ada wakil-wakil mengikut negeri. (bunyi hon)

**MAM: Ada lebih seratus?**

TZK: Hmmm (berfikir), tak sampai

**MAM: Bagaimanakah pemilihan AJK dalam FAM ini dilakukan ? Pemilihan perlu ada interview [temuduga] ke?**

TZK: Dia hantar mewakili persatuan bola sepak negeri, dua atau tiga orang \_\_\_\_\_, tapi saya memang rasa bola sepak ini adalah satu permainan yang boleh dibawa komersialkan.

**MAM: Apakah peranan Tan Sri sebagai Ahli Jawatankuasa dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia?**

TZK: Saya masa itu keselamatan dan disiplin.

**MAM: Tan Sri ketua bagi AJK itu ke macam mana?**

TZK: Misalnya disiplin saya lah yang menjadi polisi yang membicarakan kes pemain kita, semasa pemain itu lari keluar bersama-sama pemain lain, kononnya nak pergi tengok ke tempat yang bagus, tapi lepas pada itu. dia pergi ke *night club* [kelab malam], balik lewat dan sebagainya. Jadi, dalam perbicaraan itu, saya amat pandang berat tentang perkara itu. Dia dipilih untuk mewakili bangsa kita, negara kita. Salah tetap salah. Ada seorang ketua kita itu, dia jatuhkan hukuman berat, digantung. Ada juga ahli jawatankuasa yang tidak bersetuju jugak tapi nak pertahankan macam mana hukuman itu. Beberapa tahun kemudian, orang lain yang menjadi pengerusi disiplin ini, hukuman yang lebih berat dikenakan.

**MAM: Pada pendapat Tan Sri, bagaimana perkara ini boleh berlaku ?**

TZK: Dia begini, seorang *sportman* [orang sukan] ini mungkin dia tidak berpelajaran tinggi, mungkin miskin tapi yang mustahak tentang *sportsman* [orang sukan] ini *dedication* [dedikasi]. Taat setia dia kepada perkara yang dia suka seperti bola sepak. Misalnya, buat latihan, jogging dan jaga makan dan kesihatan. Tengok la profesional itu macam mana, dia jaga pemakanan dia. Jadi, yang itu kita hormati sangat yang main untuk negeri kita, pada negara kita. Tengok Santokh Singh, Soh Chi Aun, Mokhtar Dahari pastu ‘Spyder’ [gelaran labah-labah] itu, you tahu tak ‘*Spyder*’ [gelaran labah-labah] itu siapa? *Goalkeeper* [penjaga gol] kita India. Dia betul melompat. Sebab itu dipanggil *Spyder* [gelaran labah-labah].

**MAZ: Gelaran dia ‘Spyder’ [labah-labah]?**

TZK: Ya betul, dia dah meninggal. Apa nama dia, lupa dah hurmm (tokoh sedang berfikir). Kalau dia jaga gol, hebat betul. Macam Mokhtar Dahari dahulu, dia



forward kan bola pergi ke depan, Oahhhh [Tan Sri menggambarkan bunyi sorakan dari penonton] macam nak pecah stadium. Itu lah, jadi kita jangan salah faham sokongan kita terhadap pemain itu atau bola sepak kita, satu simbol taat setia terhadap negara, taat setia terhadap perpaduan dan sebagainya. Sayangnya bola sepak, dijadikan satu permainan untuk suku atau kaum-kaum tertentu. Sungguhpun ada dah mula ada budak Cina beberapa orang, India dua tiga orang dah ada.

**MAM: Bagaimanakah Tan Sri boleh terpilih menjadi AJK dalam FAM?**

TZK: Saya masa itu memang terlibat dengan *sport* [sukan], ragbi dan sebagainya dan masa saya di \_\_\_\_\_ Negeri Sembilan, saya mewakili Negeri Sembilan dan dijemput masuk.

**MAM: Boleh saya tahu macam mana, Tan Sri dijemput melalui surat ke atau ada orang datang, atau ada orang call [panggilan telefon] ?**

TZK: Dia adalah buat panggilan tapi surat tiada, waktu dipilih ketika mesyuarat agung lah.

**MAZ: Maksudnya ketika Tan Sri di IPD Negeri Sembilan?**

TZK: IPK [Ibu Pejabat Polis Kontinjen]. Balai Polis IPK [Ibu Pejabat Polis Kontinjen].

**MAM: Apakah sumbangan Tan Sri ketika dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia?**

TZK: Saya main bola di sekolah peringkat *house* [rumah sukan], tapi kita dapat memberi pandangan daripada keselamatan dan juga daripada pendapat umum tentang *team* [pasukan] kita itu. Ada orang kata macam-macam. Kita sampaikanlah yang betul. Tapi masa itu, saya di Kuala Lumpur rasanya, Sarawak lawan Selangor ke rasanya, saya sekali dengan *VIP* [Very Important Person], sekali dengan Presiden Bola Sepak Sarawak. Jadi, ada pergaduhan pemain, saya turun itu bukan nak campur tangan, tidak. Saya turun untuk

meleraikan, budak-budak Parlimen kenal saya, jadi masa itu saya polis, ya Allah, ada seorang itu dia orang Sarawak lah, saya cuba untuk meleraikan dia, tapi orang kata saya pergi tumbuk dia. Saya pergi tu, supaya budak-budak FRU tidak guna cota, lepas itu bukan dia seorang atau dua orang, malah satu *team* [pasukan] bergaduh.

**MAM: Berapa lama masa yang diambil untuk leraikan?**

TZK: Cepat. Macam rusuhan. Nama apa entah. Awang Selamat ke. Hurmm (berfikir). Dia memang orang kuat semangat Sarawak. Tapi yang ini *sportsmanship* [semangat kesukanan]. Apabila saya pergi melawat Sarawak, saya nak pergi ke Holiday Inn saya ingat lagi, apabila saya nak masuk ke bilik lepas jamuan di hotel ini juga. Orang kata jaga Zaman, dia ada disini juga. Apa nama dah, lupa dah. Awang Selamat ke apa entah. Jadi saya pergi, dia ada di situ. Jadi, saya kata saya takda apa. Kalau tanya orang Sarawak, mesti tahu. Tubuh dia besar-besar. Tapi saya masa itu gemuk jugak.

**MAM: Masa itu Tan Sri ingat tahun berapa?**

TZK: Yang berlaku itu? Alamak saya lupa dah. Masa itu *Commissioner* [Pesuruhjaya] Polis Sarawak, Tan Sri Hamdan. Jadi dia pun kata tak nak sesiapa campur tangan, saya kata saya bukan campur tangan pun.

**MAM: Sepanjang karier Tan Sri ini, apakah contoh-contoh masalah yang pernah Tan Sri selesaikan?**

TZK: Semuanya *security* [keselamatan] lah. Keselamatan semasa pertandingan. Itulah portfolio yang diberikan kepada saya. Masa itu dulu kita ada kuasa sikit. Dulu kita kena bayar tahu untuk \_\_\_\_\_. Tapi saya rasa sekarang tidak lah.

**MAZ: Maksudnya berkaitan disiplin pemain bola sepak Tan Sri ada terlibat juga lah?**

TZK: *Yes* [ya], kalau dia dibawa ke Jawatankuasa Disiplin lah, kalau kes itu dibawa ke Jawatankuasa Disiplin, saya yang menjadi \_\_\_\_\_ disitu.

**MAM: Bagaimanakah Tan Sri menerapkan disiplin dalam FAM?**

TZK: Ia sebenarnya yang rapat dengan diaorang ini \_\_\_\_\_ *coach* [jurulatih] dia apa semua bagi galakkan. Jadi, kalau *coach* [jurulatih] itu ada pembantu dia, kalau pemain itu didapati kekurangan, diaorang lah yang akan bagi sokongan dan kalau dia itu macam kes yang baru keluar ini, baru lah *committee* [ahli-ahli] ini berbincang dengan kita [pihak FAM] untuk mengeluarkan amaran atau gantung. *Coach* [jurulatih] sangat-sangat mendisiplinkan pemain-pemain. Jurulatih dan *manager* [pengurus] rapat dengan pemain-pemain ini dan kalau juga pemain-pemain ini peminat, mereka akan buat baik, akur, hormat jurulatih, dengar *assistance* [pembantu] dia. Kita tiada hak nak kata pemain itu boleh main atau tidak boleh main, itu *coach* [jurulatih]. Sebab itu saya kata mereka ini mustahak, *coach* [jurulatih], *assistance coach* [pembantu jurulatih], *manager* [pengurus].

**MAM: Okey Tan Sri, kami akan beralih ke skop seterusnya iaitu perpaduan dalam konteks sukan?**

TZK: Saya rasa inilah satu perkara yang sangat penting, cuba kita pergi dekat England, Amerika, Perancis. Dulu semua kulit putih sahaja main, tengok sekarang. Campur-campur, bukan dari import macam negara kita punya import macam Dickson Nawakame dak [kan], orang dia sendiri, kalau England, *France* [Perancis] pun ada ambik dari Afrika dan sebagainya, Korea pun ada, Arsenal ke apa ambil pemain dari Korea ke Jepun. Tapi dalam konteks perpaduan, saya rasa sukan. Saya tengok bola, ragbi, kriket pun dah ramai orang kulit hitam bermain kriket, kalau tidak semua orang kulit putih jer dak [kan]. Itu saya rasa sukan, khususnya sukan yang berpasukan. Yang kedua, sukan individu pun misalnya, atlet semua itu kan, *you* [awak] tengok kan yang lari itu daripada mana dah \_\_\_\_\_ ada berita *the fastest man* [lelaki terpantas]

**MAM: Usain Bolt dari Jamaica.**

TZK: Jamaica kan. Dia pergi mana pun ada sambutan, yang paling saya nampak sekali, Amerika, England, South Africa [Afrika Selatan]. Ragbi kan, susah nak nampak

pemain kulit gelap kan, tapi sekarang dah ramai. Kapten pasukan pun *African* [orang Afrika], dan yang lain itu ikut dia. New Zealand, Australia campur dari segi pemain. Tetapi macam Afrika, Australia, New Zealand, tak nampak lagi bangsa lain selain bangsa lain selain orang putih dan orang kulit gelap. Kalau di Australia, ada orang dari France [Perancis], Spain [Sepanyol] orang kulit putih lah, tetapi yang pentingnya *racial integration* [integrasi bangsa].

**MAM: Pada pendapat Tan Sri, macam mana zaman dahulu boleh berlaku tiada percampuran antara kaum berkulit gelap dan sebagainya?**

TZK: *Education* [pendidikan], macam yang berlaku di \_\_\_\_\_. Mula-mula orang kaya ini hantar anak-anak dia pergi ke sana, Masuk *important, good school* [sekolah bagus] semua kan. Lepas itu, orang Asia, Afrika pergi kesana. Anak-anak mereka itu belajar dapat jadi doktor dan sebagainya dan seterusnya dapat bercampur sosial antara mereka.

**MAM: Apakah pendapat Tan Sri tentang perpaduan di Malaysia?**

TZK: Saya dengan ikhlas saya kata disini, saya rasa bimbang. Ada dua tiga tahun dulu saya ada tulis satu artikel. Nanti saya *check* [periksa] balik, dalam laptop ada rasanya. (Telefon berdering). Sampai kita minta kerja juga ada masa itu mesti sekolah Cina atau mesti tahu Mandarin. Jadi, pada saya semua ini nak memecahbelahkan. Artikel saya itu, Bahtera Perpaduan. Perpaduan ini saya risau. Misalnya baru ini, ada satu universiti dengan empat universiti lain yang buat forum berkaitan Melayu. Pada saya tidak ada apa-apa, dia cuba nak memecahkan orang Melayu. Kita sekarang, orang kata Melayu malas. Saya kata tidak. Saya masih ingat masa saya kecil lagi, orang-orang di Kelantan ini selalunya tanam padi sekali setahun jer dak [kan], selepas *mencedung* [menanam semula] apa semua, padi itu tinggal macam itu sahaja kan. Dia [orang Kelantan] akan keluar negeri Kelantan, ke Kedah. Pergi *potong* [menuai] padi, jaga kontrak, atau ambil upah untuk menuai padi. Masa itu, padi besar. orang Terengganu juga ada tinggal disitu. Selain itu juga, mereka juga pergi ke selatan Thailand untuk *potong* [menoreh] getah. Lepas itu, *fisherman* [nelayan], masa saya di Penang, di sana lessen-lesen kapal, ikan yang besar-besar ini kan, kalau di Penang itu tidak tahu

la macam mana, kebanyakan semua kaum Cina lah kan. Jadi apabila mereka pergi, nak hantar pergi ke laut, dia [kaum Cina] ambil orang Kelantan. Keluarga saya pun ada. Dia akan misi kapal itu, dengan makanan untuk dua minggu sahaja atau seminggu. Orang Kelantan pergi, tak balik dalam seminggu, dua minggu. Mereka akan duduk lagi seminggu lebih, balik dapat bonus. Kalau saya lah jadi tokei [pengusaha] bot, dengan sepuluh ringgit belanja, balik dengan tangkapan dua puluh ringgit, mana tak suka. Tapi anak-anak nelayan ini juga ada juga yang menjadi krew, kelasi kapal, duduk disana lima hari, hari ke lima keenam baru balik. Kalau kamu tak percaya, kamu tanya tokong [pengusaha] *fisherman* [nelayan] ini, orang-orang Kelantan. Tapi kalau tengok sekarang ini, betul-betul nampak tempat macam tiada orang duduk, bangsal dan sebagainya. Orang muda sekarang ini, pakai jam, ada la perempuan yang duduk mengorat kemudian bergaduh. Kemudian suruh saya *investigate* [siasat]. Apabila saya kata, dia ini orang Kelantan bagus, dia tidak percaya. Saya kata kalau tak percaya, saya panggil tokei [bos] dia datang. Dua tiga hari kemudian dia datang minta maaf, dia kata betul lah *you* [awak] cakap. Di Kedah pun begitu juga, *fisherman* [nelayan], orang Kelantan juga. Tetapi bot-bot di Kelantan dan Terengganu, lesen diberi dapat ke siapa dia? Lepas itu, di jual beli lesen tersebut. (Telefon berdering)

**MAM: Apakah isu terkini yang melibatkan perpaduan kaum?**

TZK: Banyak sekarang. Isu-isu yang terlibat ini semua berkaitan dengan persetujuan semasa kita [rakyat Malaysia] mendapat kemerdekaan. Isu haa (berfikir), isu bahasa kebangsaan sebagai bahasa negara iya kan ditutup pelbagai sekolah, sekolah-sekolah cina ini dulu sebenarnya kalau mengikut perjanjian dan persetujuan nenek moyang mereka dan nenek moyang kita, dia [orang cina] mesti akur dengan persetujuan itu. Selepas itu, haa (berfikir) misalnya hal agama, kita [orang melayu Islam] tidak menyekat mereka [orang cina] daripada mengajar agama mereka. Tapi, janganlah membuat aktiviti yang merosakkan akidah orang melayu seperti *OktobeerFest* [festival arak] dan sebahagiannya lagi. ----- itu yang setiap kali dimana sekolah-sekolah *convent* [biara], ting [bunyi penggera di pintu masuk berbunyi], dia sekolah *convent* [biara] buat doa dalam Kristian, walhal budak melayu ramai di sekolah itu, itu di sekolah *convent* [biara]. Selepas itu tentang penggunaan bahasa, peperiksaan dia [orang cina] ini ingin melawan

kelulusan *exam* [peperiksaan] diiktiraf boleh masuk universiti. Selepas itu, itu daripada bahasa, daripada hak yang orang Melayu ini kuota semua ini, semuanya *challenge* [mencabar] kita. Jadi, ha (tokoh sedang berfikir) ini semua menggugat perpaduan, ini merosakkan orang melayu jugak, tapi betul saya ini ada darah pastun, yang keras kepala di Pakistan dipanggil pastun. Jadi, ha (tokoh sedang berfikir) andai kata kita orang melayu ini, kalau dulu mungkin kita tahu orang kampung rumah tidak besar

### **MAM: Biasa-biasa**

TZK: Ada bilik satu itu pun untuk orang tua dengan *family* [keluarga], anak-anak perempuan tidur di luar bilik dekat dengan dapur, kalau kita lelaki di luar ini. Jadi kalau ada saudara mara mari [datang] bilik itu akan digunakan untuk saudara mara ini. Kalau orang tua datang rumah kita, ya atau tidak, bagi bilik itu, saya pergi Pakistan macam itu juga, saya pergi melihat kampung halaman saya itu terjumpa saudara seorang, dia tidak mempunyai bilik yang banyak, tapi dia memberi bilik dia untuk saya dan isteri saya dalam dua dan tiga malam, sampai begitu sekali ya atau tidak, tapi ini apa yang lagi dia [orang cina] macam-macam dia [orang cina] nak. Jadi, erm (tokoh sedang berfikir) ini saya berasa pada suatu hari keadaan akan menjadi lebih buruk. Pasal apa daripada ekonomi orang melayu ini tertindas, *you* [awak] pergi tengok *shopping complex* [pusat beli-belah] apa semua inikan yang besar-besar yang jadi *sales girl* [penjual perempuan] apa semua itu orang melayu ada satu atau dua orang India daripada tidak ada langsung, tapi, yang menjaga *cashier* [juruwang] itu siapa dia? Orang dia [orang cina] bukan. *You* [awak] pergi ke Great Eastern sudahlah, di Great Eastern Mall jalan ini ya atau tidak, *you* [awak] pergilah \_\_\_\_\_ dia, *you* [awak] tengok *you* [awak] masuk situ ada insurans, Great Eastern punya insurans, *you* [awak] pergi tengok masuk di situ semua cina malahan saya ada dalam kamera saya ini, saya selalu pergi di situ kerana anak saya ada *office* [pejabat] di situ. (tokoh sedang melihat telefon bimbitnya) ini, *you* [awak] lihat ini (tokoh menunjukkan gambar di dalam telefon bimbit), ini *Great Advertisement* [iklan hebat], apa dia itu semua cina

### **MAM: Semua Cina**

TZK: Semua cina. Jadi, seolah-olah orang melayu tidak membeli insuran dia [Great Eastern], selepas itu banyak dia, cuba *you* [awak] pergi dekat sekolah di Gombak, kita lihat persatuan MCA [Malaysia Chinese Association] dia tulis cina, atas cina bawah melayu.

**MAM: Oh, sepatutnya melayu di atas cina di bawah**

TZK: Ya, tapi dia [orang cina] buat juga. Malaysia tiada, Indonesia tiada, Filipina tiada, dia [orang cina] banyak minta kalau dia buat ha (tokoh sedang berfikir), baiklah kelemahan kita [orang melayu] sekarang kita ini pergi di mahkamah supaya mendapat hukuman dari mahkamah mengatakan sekolah vokasional ini haram\_\_\_\_\_ kita [orang melayu] memerlukan kewangan. Saya sendiri pergi ke mesyuarat pada enam belas hari bulan sebelas tidak silap saya, ada baru ini\_\_\_\_\_ di Majlis golongan melayu dekat parlimen itu, di luar parlimejn depan *office* [pejabat] kita, saya berkata begitu apabila bercakap hal derma ini kenapa kita melayu ini tiada duit kita minta derma, kita tidak minta satu juta, cuba ajar-anak kita ini memberi sedekah. Kalau pergi ke masjid, budak-budak tahfiz samada *one dollar* [satu dollar] dia ada duit. Ini akan membuatkan apabila dia besar dengan mentaliti aku membantu orang susah, tapi cakap orang kita tak memberi duit, itu saya membuat surat rayuan, saya buat rayuan itu, nanti saya bagi satu dekat kamu, tidak ada, sepatutnya saya bangkitkan juga, saya timbulkan perkara ini, budak-budak MRSM [Maktab Rendah Sains Mara] berapa ribu yang dah keluar, berapa ribu yang sudah dapat kerja bagus atau pun sedang ya atau tidak, tapi ada, memang ada yang tidak berjaya, mereka yang berjaya ini kalau bagi sepuluh ringgit sebulan berapa boleh kutip. Kita [orang melayu] pun mempunyai yayasan, Asmara, betul atau tidak, Asmara ada saya tulis surat dan saya hantar mesej kepada presiden yang baru itu, jawab pun tidak.

**MAM: Masalah juga itu**

TZK: Dia lupa, dia diam. Duit rakyat dia [Presiden Asmara] ambil itu, jadi, kita [orang melayu] tidak mempunyai semangat untuk menderma. Cina itu apabila sewaktu

susah, dia beri duit itu, iya kebanyakannya dari *millionaire* (jutawan) berniaga saja, tapi yang bawah ini pun bagi, bagi duit. Itulah kita kelemahan orang melayu tidak ada semangat juang. Sebab itu saya dulu cukup marah mula-mula saya marah kepada PAS [Pan Malaysian Islamic Party] yang akhir-akhir itu sebelum dua tiga tahun dulu. Apa ini Tok Nik [Nik Abdul Aziz Nik Mat] kita ini dia kata orang yang terbaik dengan orang UMNO [United Malays National Organization] kafir bagi dia, lepas itu kita tengok dia \_\_\_\_\_ Karpal Singh pulak, *happy birthday* [selamat hari jadi] Karpal Singh. Saya hantar surat masa sebelum mati dulu selepas itu tak balas pun.

**MAM: Senyaplah itu**

TZK: Dia [Nik Abdul Aziz Nik Mat] tidak balas pun. Dulu, sebelum pada itu, \_\_\_\_\_ saya terserempak dengan dia di Kedah, dia hendak balik ke Kelantan dengan \_\_\_\_\_ saya pergi tunggu solat subuh bersama dia, sampai begitu sekali, tapi dia buat begitu pula. Jadi, sekarang tukar pula, tapi syukur Alhamdulillah kita dah bercantum dengan PAS [Pan Malaysian Islamic Party], moga-moga tidak ada syaitan yang memecahbelahkan, syaitan ini banyak daripada kita pun ada jangan pula tamak tidak bagi harta itu dan ini. Jadi, mahu atau tidak, orang kata ‘ludah atas angit jatuh atas muka sendiri’ silap orang kita melayu kita, menggunakan duit kerajaan, *corruption* [rasuah] dan sebagainya ini melemahkan kita, tapi apa yang perlu kita teruskan, orang melayu harus bangkit, mesti bangkit. Peringkat student [pelajar] ni you must wake up [awak mesti sedar] jangan asyik mengangguk sahaja.

**MAM: Kena melawan sikit**

TZK: Itu kita lemah, dulu budak universiti kuat tahu, semasa tiada universiti yang mengharamkan \_\_\_\_\_ dulu kuat. Saya pernah rempuh Universiti Malaya dulu

**MAZ: Oh, Universiti Malaya**

TZK: MARA [Majlis Amanah Rakyat] takut apa



**MAZ: Oh, ITM [Institut Teknologi Mara]**

TZK: ITM [Institut Teknologi Mara], UiTM [Universiti Teknologi Mara] yang rampas kampus itu, saya yang ambil balik, sampaikan arwah siapa itu ea (tokoh sedang berfikir) Tan Sri, *principal at that time* [pengetua semasa itu]

**MAZ: Tan Sri Arshad Ayub**

TZK: Arshad Ayub sebelum itu, Allah anak dia baru meninggal hari Selasa itu, Lukman

**MAZ: Lukman, Tan Sri.**

TZK: Ayah dia siapa nama?

**MAZ: Hmm**

TZK: Baharuddin ke?

**MAZ: Rasanya.**

TZK: Anak ayah dia ya atau tidak, ayah dia. Budak-budak rampas universiti MARA [Majlis Amanah Rakyat] nak tutup universiti semua itu. Jadi dia rampas, saya kepung pada malam itu, saya teringat masa dia masuk lagi, masa pergi itu, mula-mula itu ingatkan ada kumpulan, orang yang bukan, ada dua pegawai satu India, satu Cina yang ikut saya itu, mula-mula sekali laungan Allahuakbar jauh sekali dibaca, Allah budak kata, saya menoleh ke belakang dua orang itu sudah tiada, saya seorang sahaja, kalau saya pusing balik, budak-budak kata penakut, saya pergi juga \_\_\_\_\_ ini Mat Sabu [Mohamad Sabu] kuarantin. Selepas itu, ada seorang nama Ghazali, Ibrahim pun ada, dia macam-macam keluar. Dia kata akhirnya galak [beria-ria] budak ini, saya dipanggil yahudi pun, saya kata kepada dia, saya ada *tape* [pita] satu, saya kata kalau saya yahudi, awak pun lebih yahudi, dia diam sekejap. Tapi macam-macam dia cakap. Jadi, apabila dia hendak ditangkap, saya kata okey, saya pun lihat masa itu ada satu bangunan

yang sudah siap ada kantin dan sebagainya, satu bangunan lagi itu *tower* [menara] juga yang tidak siap lagi tapi

**MAM: Banyak pembinaan**

TZK: Dia sudah nak siap juga, boleh guna. *Okay those* [okey mereka] mereka yang ditangkap itu boleh pergi sana berhimpun di sana yang lain di situ, yang lain tidak mari [datang] sebab takut pergi sana kerana ada gas sembur. Mari [datang] subuh saya tengok sudah kurang orang, kenapa, daripada situ hendak pergi ke jalan raya *Federal Highway* [lebuhraya persekutuan] ada stesen bas, dia terus lari ikut situ, dia tidak mahu ikut depan kerana nak ambil nama. Selepas itu, mari [datang] zohor, dia minta kebenaran untuk sembahyang zohor, berimam, pergilah saya bukan tuhan, Allah tuhan saya, sembahyang saja. Dekat sini ada air ada makan dekat sana tiada, masa dia sembahyang itu habis lari. Tapi, saya Bahaman *principal at that time* [pengetua waktu itu]

**MAM: Dekan**

TZK: Dekan Bahaman. Ayah kepada lukman juga. Jadi, sudah jadi begini marah pula Bahaman kepada saya kerana menipu dia sebab dia tunggu sana untuk ambil nama, sini kita buat tidak tahu saja begitu sekali. Tapi, *you* [awak] kena tahu kenapa budak-budak kita yang gagal itu tidak apa, saya boleh terima, bukan semua berjaya ya atau tidak, yang bekerja itu *top bank* [pangkat bank] semua itulah, kenapa tidak boleh bagi sepuluh ringgit, sudah berapa ribu, berpuluh ribu kerja ke bawah, kring (bunyi loceng ditekan), tentera, polis, doktor, engineer [jurutera], PTD [Pegawai Tadbir Diplomatik] semua ada, dia boleh bagi tapi tiada. Setiap *lawyer* [peguam] yang hendak pergi ke *court* [mahkamah] sepuluh ribu juga duit kerana bukan dia seorang dia ada *office* [pejabat] dia kena bayar gaji lagi

**MAM: Aah**

TZK: Jadi, saya bimbang makin hari makin lenyap kita. Politik jangan kata, boleh maju, memang ada usaha tapi adakah usaha itu berkesan. Jadi *you* [awak] orang

yang sekarang ini bangkit, tidak boleh berdiam diri. Apa dia ini? (tokoh membuka surat yang diberi oleh pengawal peribadinya).

**MAZ: Okey, seterusnya Tan Sri apakah keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar sukan di Malaysia?**

TZK: Dasar sukan

**MAZ: Contoh-contoh dasar yang seperti 1 Murid 1 Sukan ke.**

TZK: Jadi beginilah, kita bercakap pasal hal perpaduan, sukan kita yang saya nampak ada meningkat, macam badminton ada turun naik, orang negeri lain Indonesia pun macam itu juga turun naik, kalau Denmark dulu selalu *champion* [juara] jatuh, China pun kalah baru ini dalam badminton, Tapi saya rasa peruntukan diberi kepada persatuan sukan ini, ha (tokoh sedang berfikir) ada manfaat, ada dividen yang baik. Satu menambah baik negara, yang kedua perpaduan.

**MAZ: Perpaduan**

TZK: Perpaduan. Saya kalau boleh nak melihat dalam *basketball* [bola keranjang] ramai juga budak melayu bermain semua, sepak takraw, orang cina, orang india sepatutnya bermain baru semangat. Kalau bermain pun janganlah buat dua atau tiga orang itu semua cina dan melayu.

**MAM: Kena bercampur**

TZK: Kena campur. Kalau saya ini kuat, kalau saya bukan dalam kerajaan, bukan dalam politik, kita mesti tetapkan satu setiap *team* [pasukan] yang hendak bertanding ini mesti ada ini, melayu, india dan cina. Contohnya, dua atau tiga orang setiap *team* [pasukan] mesti ada satu *percentage* [peratus]. Tapi haa (tokoh sedang berfikir) orang kata tidak adil pula, itulah cara kita menang. Tapi yang \_\_\_\_\_ pada saya senang saja, kita mesti memberi *complain* [mengadu] orang india dan orang cina ini janganlah ada sekolah sendiri.

**MAM: Sekolah cina untuk cina**

TZK: Jangan begitu, adakan sekolah percampuran macam dulu juga. Macam *standard* [piawaian] cara-cara itu lain. Kerana apa kita buat macam itu berpecah

**MAZ: So [jadi] sukan dalam sekolah berkurang**

TZK: Haa (tokoh sedang berfikir)

**MAZ: Sukan di dalam kalangan murid di sekolah berkurang.**

TZK: Tapi, saya tahu kalau, anak saya pergi V.I [Victoria Institution] semua, hari-hari ada lepas sekolah. Di Thailand begitu juga tahu, Thailand dia sekolah dari pukul sembilan hingga tiga atau pukul empat petang ya atau tidak, *you* [awak] tidak balik dah.

**MAZ: Dia ada kokurikulum**

TZK: Selepas itu bermain kalau ada aktiviti. *Boy scout* [pengakap lelaki], kadet, kadet polis ini patut ada ini

**MAZ: Kawad ke apa**

TZK: Sepatutnya \_\_\_\_\_. Saya yakin kepada *scout* [pengakap], kerana *scout* [pengakap] ini, *group* [kumpulan] saya yang pertama dapat pengakap diraja

**MAZ: Oh, dapat pengakap Diraja**

TZK: Tapi sampai sekarang tidak dapat itu pingat kerana sudah hujung. Jadi *scout* [pengakap] itu dia ajarkan tolong menolong, lepas itu *you* [awak] belajar kalau pergi *camping* [berkemah], *you* [awak] belajar cuci kereta, kasut *something like that* [sesuatu seperti itu], cuci kasut, selepas itu, ha (tokoh sedang berfikir) bekerjasama ya atau tidak, *patrol* [rondaan] ya atau tidak. Jadi, itu yang selain daripada itu, *job week* [kerja mingguan]. Maksud *job week* [kerja mingguan], kita

pergi ke bawa boring pergi ke rumah-rumah itu basuh kereta, cuci kasut, buat kebun, cuci parit ada upah, upah itu bukan untuk kita untuk bagi kepada *scout* [pengakap]. Dulu masa hari sukan ya atau tidak, contohnya olahraga, siapa yang angkat kerusi, angkat minuman, *scout* [pengakap], semua *scout* [pengakap], jadi ini latihan, saya dibawa oleh budaya itu.

**MAZ: Semasa Tan Sri dalam *scout* [pengakap] itu, ada pelbagai kaum, bukan melayu sahaja di dalam *scout* [pengakap]?**

TZK: Di Kelantan ada dua, tiga orang. Dia begini tahu, kita merasa megah pakai unifom *scout* [pengakap], jadi ini satu ajaran, dan budak-budak sekolah ini pun, macam dulu \_\_\_\_\_ siapa yang beratur masa sekolah buka dulu untuk mencabut kemuncuk, kami beratur untuk cabut kemuncuk. Kalau dulu ni haa (tokoh menunjukkan gaya tangan yang menunjukkan sabit) lambat juga ya atau tidak, kalau ada kemuncuk baru kita tarik. Itu pun satu latihan

**MAM: Kerjasama**

TZK: Ya, kerjasama. Selepas *scout* [pengakap], ada tolong orang dan sebagainya. Ini semua budak dadah, budak UiTM [Universiti Institut Teknologi Mara] pun ada sebab dadah, vroom (bunyi motor), jagalah diri, apa yang dibuat bagus tapi sayangnya \_\_\_\_\_. Itu saya rasa perpaduan kita ha (tokoh sedang berfikir) makin hari makin retak, *you* [awak] boleh tengok tidak bercampur, di sekolah-sekolah pergi *bus stop* [perhentian bas], *group Chinese* [kumpulan Cina], *group malay* [kumpulan melayu], *group indian* [kumpulan India]. Jadi, bila membesar begitulah identiti.

**MAM: *Attitude* [perangai] tidak bercampur hanya dengan golongan dia sahaja**

TZK: Macam ini, satu perangai budak-budak Kelantan, kalau *you* [awak] pergi ke UK [Ulu Klang], *you* [awak] pergi ke \_\_\_\_\_ itu *group* [kumpulan] Kelantan

**MAZ: Maksudnya berpuak Tan Sri**

TZK: Berpuak, kerana apa bahasa dia

**MAZ: Dialek**

**MAM: Bahasa dia, kalau dengan yang lain**

TZK: Daripada Kuala Lumpur ini berjumpa bercakap Kelantan sudah, *I* [saya] sendiri pun sekarang kalau pergi kerja cakap, saya balik rumah guane mu kecek kelate [macam mana boleh cakap Kelantan], bahasa-bahasa itu daripada kecil lagi. *So* [jadi], itu masalah kita sekarang ini, tapi saya berharap orang melayu kita ini jangan lupa

**MAM: Jangan lupa asal usul**

TZK: Jangan lupa, cukup, jangan hendak senang menerima duit daripada orang bukan melayu untuk berparti ke apa

**MAZ: Okey, seterusnya, Tan Sri apakah inisiatif-inisiatif yang dapat dilakukan**

TZK: Apa dia

**MAZ: Apakah inisiatif-inisiatif, cara-cara yang dapat dilakukan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan melalui sukan?**

TZK: Melalui

**MAZ: Melalui sukan**

TZK: Ehem (tokoh sedang batuk), kerajaan kena kaji kenapa perhubungan yang dulu makin hari makin berderai, daripada situ kita akan tahu pasal apa, misalnya sekolah, itu satu isu yang besar, dulu ada lima kelas, sekarang sudah tidak ada. Yang muda-muda dengan saya, saya dua, tiga bulan sekali ada perjumpaan *ex* S.I.C [bekas pelajar Sultan Ismail College] mula-mula untuk tahun 1959 *my group* [kumpulan saya] dulu, tapi sekarang ini ada yang lain-lain masuk,

tumpang, tidak ramai dalam sepuluh orang sahaja. Kalau kita jumpa oh my god [Ya tuhan], *memories* [memori], makan senang saja pergi ke gerai ke restoran ke makan situ

**MAZ: Di Kelantan ke Tan Sri**

**MAM: Dekat Kelantan ke**

**MAZ: Dekat Kelantan ke dekat sini**

TZK: Sini

**MAZ: Ouh, di Kuala Lumpur**

TZK: Satu lagi ex V.I hostel [bekas pelajar Victoria Institution], sebab tiada *form six* [tingkatan enam] kita mari [datang] sini adalah budak Kelantan, budak Terengganu, budak Pahang ya atau tidak, kalau Kelantan itu dia ada dua, tiga orang cina, kita mari [datang] sini tinggal hostel *form six* [tingkatan enam], dekat dengan medical Studial Garden [Taman Perubatan Studial] bawah bukit. Saya jadi kapten, masa itu saya belajar bajet apa semua dan oleh sebab kita tahu masa depan kita bergantung kepada pencapaian kita di *form six* [tingkatan enam] ya atau tidak. Jadi, hari minggu kita keluar pergi Kampung Baru hari sabtu ya atau tidak bukan hendak bayar duit atau tidak, di Kampung Baru itu ada satu jambatan yang kecil sahaja daripada masjid itu nak pergi ke seberang sana, kita pergi kerana jambatan itu kecil sahaja mungkin besar ini sahaja, begini orang (tokoh merapatkan tangan), kita ini budak nakal pergilah pegang punggung perempuan ikhlas saya kata, ini cerita betul, nakal tidak ada apa-apa, selepas itu orang ramai tidak tahu siapa pun, kita pergi saja. Jadi, tapi kita belajar, selepas makan maghrib itu pukul lapan, masuk prep bukan kata kapten itu suruh kita cuma kapten kata tidak boleh tinggal dalam bilik kena turun bilik bawah, jadi kalau ada lampu dia mesti ronda, kena turun semua bagus, jadi disiplin kita, sampai sekarang pun kita ada ex V.I hostel [bekas pelajar Victoria Institution]

**MAM: Oh, ada lagi**

TZK: Bukan itu sahaja, orang yang tidak pernah tinggal di hostel itu pun masuk juga, ada yang budak *local* [tempatan] tapi berbaik dengan kita ya atau tidak semasa tinggal di hostel dulu, dia mari [datang] dia *join* [sertai] sampai giliran dia balas, bergilir-gilir. Seseengah orang buat di rumah macam Dato Khalid, Dato Khalid buat di rumah dia, ada orang lain itu buat di rumah juga, saya oleh sebab *my wife* [isteri saya] tapi kita buat, sampai seorang itu, *you try* [awak cuba] tanya Rashid Sidek dia meninggal, saya sendiri dengan beberapa orang buat majlis di masjid berdekatan rumah dia di Allah apa ni? (tokoh sedang berfikir) di Puchong. Kita buat di situ panggil orang tempatan masih ingat dia, tapi isteri dia orang Kelantan, tapi terpencil dia tinggal jauh, macam di sini ramai Kelantan Tan Sri Zaini, Jega, Jimmy, Faizal. Iya lima \_\_\_\_\_ mereka ini.

**MAM: Di samping itu, Tan Sri pada pandangan Tan Sri adakah tugas polis seperti menjaga pergerakan penyokong, memastikan bahan terlarang tidak dibawa masuk dan lain-lain lagi dapat mengawal keganasan dalam acara sebuah sukan? Macam mana hendak *control* [kawalan]**

TZK: Tapi kalau *you* [awak] lihat sekarang, bagus juga

**MAM: Polis**

TZK: Polis ada dia pergi hantar tinggal sana, ha (tokoh sedang berfikir) macam baru ini ada pergolakan *football* [bola sepak] Malaysia ya atau tidak, ehuk (penemubual sedang batuk) dia rosakkan kerusi dan meja semua kena tangkap

**MAM: Maksudnya, kalau macam okey, ada penyokong itu dia buat masalah macam membakar stadium, selepas itu keesokannya sudah dapat pelaku dia**

TZK: Ada-ada. Sekarang sudah ada *photographer* [jurugambar]

**MAM: Ada *CCTV* [Closed Circuit Television]**



TZK: Ada. Ha (tokoh sedang berfikir), tapi itu *you* [awak] pergi ke England menonton bola sepak mana ada polis, dia pakai *security private* [pengawal keselamatan swasta] duit banyak, kalau boleh *charge* [cas] jadi sesetengah *state* [negeri] tiada duit ya atau tidak macam mana hendak bayar

**MAM: Itulah**

TZK: Tidak apa, itu pun satu sumbangan dari kerajaan juga. Tapi, bagus tiada pergaduhan, jual-menjual itu adalah. Dulu Terengganu dengan Kelantan baling batu

**MAM: Ouh**

TZK: Masa-masa dulu tentang bola Terengganu dengan Kelantan

**MAM: Kalau macam dahulu, polis bagaimana penglibatan**

TZK: Ada, tapi jaga *crowd control* [kawalan penyokong] juga, tapi masa hendak balik itu bas \_\_\_\_\_, sekarang sudah tiada, ha (tokoh sedang berfikir) *don't you worry right now* [jangan bimbang sekarang]

**MAM: Tan Sri, seterusnya, apakah terdapat kerjasama antara PDRM [Polis Diraja Malaysia] dengan Kementerian Belia & Sukan?**

TZK: Dapat, ada. Kita memang ha (tokoh sedang berfikir) saya rasa KBS [Kementerian Belia & Sukan] ini boleh minta polis mengadakan *exercise* [latihan] misalnya *adventure* [pengembaraan] ya atau tidak, saya hendak cadang kementerian pelancongan, dia dulu kita dalam polis ini apabila *training* [latihan] *for force* [untuk kekerasan] dah habis training, dua bulan, kita akan jalan kaki dengan beg dari Ulu Kinta ke Cameron Highland melalui gunung \_\_\_\_\_ empat hari tiga malam baru sampai, itu bagus, *endurance* [ketahanan]

**MAM: Hendak melatih kita**

TZK: *Endurance* [ketahanan] satu, melahirkan semangat jangan *give up* [berputus asa], habis luka kaki ini

**MAM: Tan Sri terlibat juga ke**

TZK: Ya, saya masa itu, selepas itu saya masuk UTK [Unit Tindakan Khas], saya pengasas UTK [Unit Tindakan Khas]

**MAM: UTK [Unit Tindakan Khas]**

TZK: Ya, dia di ha (tokoh sedang berfikir) semasa itu pelatih orang skuad saya juga Dato' Ismail Darus, dia Ulu Kinta ya atau tidak, setiap hari kita pergi naik kena menaiki Bukit Bota.

**MAM: Setiap hari naik**

TZK: Ya, lepas *training* [latihan] khususnya hari sabtu, hari sabtu masa itu hari ahad *holiday* [cuti] jadi kita berlari pagi itu pergi ke situ bukit itu begini (tokoh menunjukkan kecuraman bukit), kalau kemarau boleh tahan juga, sampai tapak kaki orang lain boleh guna sebagai tangga, tapi kalau hujan Allah dia botak sudah tiada rumput, suruh naik tidak sampai sudah turun ke bawah, brem (bunyi kereta)

**MAZ: Licin**

TZK: Selepas itu, kena berlari lagi melalui hutan ada *swamp* [paya] pergi ke sana, siapa sampai dahulu ke *base* [pangkalan] dia boleh balik cepat *weekend* [hujung minggu], mana tidaknya berlari kita, oh suka, bagus. Tapi itu adalah satu latihan yang menyemaiakan semangat *determination* [bersungguh-sungguh], *don't give up* [jangan berputus asa], *you* [awak] patut ada aktiviti macam ini

**MAM: Kena bepersatuan, kena melibatkan diri**

TZK: *You* [awak] patut ada aktiviti macam ini

**MAZ: Persatuan-persatuan fakulti ke apa**

TZK: Jalan dan boleh minta bantuan daripada polis atau pun tentera. Macam polis ini dia selalu guna itu sahaja, ha (tokoh sedang berfikir) *you* [awak] \_\_\_\_\_ kalau minat buat satu percubaan dahulu, budak perempuan kita buat \_\_\_\_\_ saya akan minta IPD [Ibu Pejabat Polis Daerah] suruh gunakan budak jadikan *guide* [penunjuk arah], *you* [awak] tidak pernah potong pokok, tidak pernah, takut hakis dan kalau *you* [awak] potong orang berikut orang kemudian senang sikit tidak benar. You tidur sana, sejuk tempat sana, minyak kelapa itu kita bawa beku. Tapi itu, oo (tokoh sedang berfikir) betul-betul satu latihan yang.

**MAM: Menguji ketahanan**

TZK: Mendirikan semangat ketahanan, bersabar dan semangat, selepas itu tengok saeng-saeng [kawan-kawan] yang sudah pergi, selepas saeng-saeng [kawan-kawan] kita pula tengok kita lemah, dia pula mari [datang] aku tolong kamu.

**MAZ: Dia semangat menolong**

TZK: Itu satu latihan juga itu

**MAM: Kawan**

**MAZ: Kerjasama**

TZK: Ya, saya rasa itu apa yang budak melayu kita hendakkan, kalau cakap dadah. Ada ke bagi syarahan, saya sepatutnya tiga puluh hari bulan ini pergi ke Kelantan, forum polis buat ini kali kedua di Kelantan *on* [tentang] dadah, Allahuakbar (bunyi telefon tokoh menunjukkan azan zohor)

**MAZ: Berkaitan dadah**

TZK: Saya pada hari itu orang lain bercakap, Doktor, tapi kerana dadah ini membunuh, membunuh apa? Saya bapa apabila saya mendapat anak, saya mengidamkan anak

saya diberi pendidikan supaya lebih baik daripada saya, daripada segi kehidupan, gaji, pendapatan, tetapi kalau dia tidak dibimbing dengan betul ha (tokoh sedang berfikir) bimbingan itu banyak

**MAM: Agama**

TZK: Agama, bahaya dadah dan sebagainya, kalau ambil habis. Maknanya, membunuh apa? Satu membunuh harapan ibu-bapa, yang kedua membunuh masa depan budak itu sendiri, adik-beradik dia itu saya terpaksa bercakap, yang saya tidak faham, saya tahu budak melayu \_\_\_\_\_ dulu di bawah itu sudah mendapat beli rokok apa ini? Ganja ini di jambatan, *highway* [jalan raya], tempat tunggu bus stop [hentian bas], jadi kenapa hendak merempat, *scholarship* [basiswa] hendak, semua barang boleh dapat. Itu pun satu

**MAM: Masalah**

TZK: Saya tahu ada budak-budak MARA [Majlis Amanah Rakyat] jual dadah, jual apa ini, ganja, metamphetamine, ada, tapi kalau kita tahu, yelah, kalau kita bagi secara terbuka yang dia hisap, marah-marah ke dia ya atau tidak. Perkara macam ini sangat sulit untuk dia, saya bukan hendak mengajar tapi itu dia, saya sendiri pun kadang-kadang saya buat, saya tahu kawan saya terlibat, Allah, membunuh. Saya sendiri, satu anak saudara dia dengan bini dia dan dua anak habis kerana dadah, jadi HIV [Human Immunodeficiency Viruses], [Acquired Immunodeficiency Syndrome], cucuk jarum, seorang lagi itu \_\_\_\_\_ tapi anak-anak dia, bini dia tidak dapat apa, macam-macam yang ada, dua dan tiga orang macam itu, kerana kami tinggal di *border* [sempadan] dekat utara sana ya atau tidak, dia terlibat, ini satu sekarang ini kalau *you* [awak] lihat statistik, budak melayu ramai Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis, ini sudah kawah orang melayu, pedagang melayu \_\_\_\_\_, sekarang AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] itu buat, polis tangkap

**MAM: Aah, AADK**

TZK: AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] ada juga, tapi AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] kena lebih cergas dia apabila kita kerja macam ini dan polis juga, jangan fikir kepada gaji, masa kerja saja, atau pun elaun saja, luar daripada itu kalau ada minta tolong berucap pergi

**MAM: Tolong apa yang patut**

TZK: Saya sudah biasa pergi Kelantan tambang untuk seorang empat ratus lapan puluh riggit, selepas itu saya tinggal di hotel kurang-kurang dua ratus tiga puluh ringgit, tapi saya tidak minta, itu saya fikir apa itu?

**MAM: Untuk anak-anak muda**

TZK: Anak muda satu, dalam agama kita apa?

**MAZ: Sebagai sedekah**

TZK: Ea (tokoh tidak mendengar soalan)

**MAM: Menyampaikan satu patah perkataan**

**MAZ: Sebagai ibadah**

TZK: Ya, itu saya kata, ini saya patut pergi tiga puluh hari bulan ini, tapi saya sudah memaklumkan bahawa saya tidak sihat, tapi saya sudah bercakap dengan satu Doktor nama puan Haliza memang penolong saya dahulu, kalau saya hendak buat sesuatu saya akan beritahu dia.

**MAZ: Okey, baiklah Tan Sri berakhirlah sesi temubual berkaitan skop bola sepak dan penglibatan Tan Sri dalam FAM [Persatuan Bola Sepak Malaysia]. Terima kasih banyak Tan Sri.**

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai sejarah sukan bola sepak dan penglibatan dalam FAM bersama Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Sekian terima kasih. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.**

## 7.0 LOG TEMUBUAL

Log	Soalan	Isi Kandungan
01:06 – 21:16	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau menyatakan bahawa beliau berketurunan Pakistan.</li> <li>• Anak ketiga dalam keluarga</li> <li>• Belajar di Sultan Ismail College dan juga V.I (Victoria Institution)</li> <li>• Sekolah Melayu di Tok Uban</li> <li>• Pasir Mas, Kelantan</li> <li>• Kota Bharu</li> <li>• Sekolah di Kuala Krai tiada tingkatan 1</li> <li>• Bapa saudara yang bernama Kabib</li> <li>• Ismail Haji Awang</li> <li>• Mohd Yusof Ghawus</li> <li>• Malina Yusof</li> <li>• Cikgu yang mengajar semasa tokoh berada di sekolah iaitu Encik Bapu Hashim, Mr S.S Pereira, Mr Leong, Encik Gupta, Mr Abu Ariffin</li> <li>• Ali Pengarah TELEKOM</li> <li>• Tidak mendapat biasiswa</li> <li>• Universiti Cambridge</li> <li>• Penang Free School</li> <li>• Melawan Perak dalam aksi akhir bagi permainan ragbi</li> <li>• Kejuaraan Merdeka bagi permainan hoki</li> <li>• Combine (gabungan) sekolah ragbi</li> <li>• Sekolah Puteri Wilayah</li> <li>• PWTC (Putrajaya World Trade Center)</li> </ul>
21:16 – 21:29	Aliran semasa belajar di V.I (Victoria Institution)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh mengambil aliran seni</li> </ul>
21:29 – 22:45	Persatuan yang pernah tokoh terlibat ketika berada di sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah bermain ragbi dan menjadi penolong kapten</li> <li>• Pernah bermain hoki sebagai penjaga gawang</li> <li>• Pernah menjadi pengawas</li> <li>• Selangor Combine School</li> </ul>
22:45 – 26:08	Aktiviti yang tokoh terlibat di V.I (Victoria Institution)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan menjadi pengawas di V.I (Victoria Institution)</li> <li>• Kawan tokoh yang bernama Razif</li> <li>• Menjadi hostel kapten</li> <li>• Encik Wahab tukang masak berasal dari Minangkabau</li> <li>• SOGO</li> </ul>

26:08 – 40:35	Nama penuh tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama asal beliau ialah Hassan bin Ibrahim</li> <li>• Namun ketika di Tanah Melayu namanya diubah kepada Mohamad Zaman Khan</li> <li>• Tenaga Nasional Berhad (TNB)</li> <li>• Lembaga Elektrik Malaysia (LLM)</li> <li>• Amerika</li> </ul>
40:35 – 40:53	Siapakah nama ayah Tan Sri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama ayah Tan Sri ialah Rahim Khan</li> <li>• Nama panggilan ayah tokoh ialah Ibrahim Kecil</li> </ul>
40:53 – 41:05	Siapakah nama ibu Tan Sri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama ibu tokoh ialah Mek</li> <li>• Golok</li> <li>• Kampung Serendah</li> </ul>
Seterusnya, menurut akhbar Berita Harian Online yang bertajuk "Kerajaan tiada halangan FAM terus program naturalisasi" yang diterbitkan pada 09 Mei 2019 yang menyatakan kerajaan tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mahu meneruskan program naturalisasi pemain demi meningkatkan mutu bola sepak negara, kata Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin (2019). Perjumpaan tempoh hari lebih kepada menerangkan mengenai SOP pengambilan pemain dan Tan Sri juga tiada halangan sekiranya ia berjalan mengikut peraturan dibenarkan FIFA dan sedia memberi sokongan," katanya kepada Bernama hari ini.

Di samping itu, menurut laman web Astro Awani yang bertajuk "FAM lancar bola sepak 'Cara Malaysia'" yang diterbitkan pada 09 Julai 2019 yang bertempat di Petaling Jaya melancarkan DNA bola sepak Malaysia, sebagai rujukan kepada semua pihak memahami corak dan gaya permainan mengikut cara pasukan negara. DNA bola sepak Malaysia yang juga dikenali sebagai 'Cara Malaysia' merupakan satu manifesto falsafah bola sepak negara termasuk sistem kejurulatihan yang sama untuk semua kumpulan umur, dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat elit. Menurut Timbalan Presiden FAM Datuk Subhan Kamal yang juga Pengerusi Teknikal FAM dan Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Remaja (2019), dalam ucapannya berkata, program itu meliputi cara yang memfokuskan etika berpasukan dengan menyerang sebagai sebuah pasukan dan bertahan sebagai satu unit. "Secara amnnya, DNA bola sepak Malaysia merupakan satu pelan tindakan kepada semua pihak, bagaimana

cara bermain dengan gaya yang sama dan kesamaan dari kumpulan umur paling muda sehinggalah ke peringkat paling tinggi. "DNA bola sepak Malaysia akan melahirkan lebih ramai jurulatih berpengalaman dan meningkatkan standard pemain Malaysia ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Tambahan pula, menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), mengikut laman web Bernama.com yang bertajuk FAM sambut baik usaha MISC dekatkan bola sepak dengan kaum India yang diterbitkan pada 26 November 2019. Beliau berkata selain menerangkan pelan hala tuju serta jadual majlis sukan itu sepanjang 2020, MISC turut mengemukakan beberapa perkara untuk diselesaikan bersama. Beliau juga berkata Malaysia adalah negara majmuk dengan bola sepak sememangnya terbukti menyatu-padukan rakyat. "Menerusi kunjungan hormat dan dialog hari ini, MISC ada berbincang dengan FAM tentang cara membuka ruang buat pelajar khususnya remaja India berusia 15 hingga 17 tahun bergerak aktif dalam bola sepak.

Menurut Presiden Persekutuan Wushu Malaysia Datuk Chong Kim Fatt (2019), mengikut laman web Bernama.com yang bertajuk Sukan satukan perpaduan rakyat Malaysia yang bertarikh 23 November 2019. Beliau berkata dalam sukan, isu bangsa dan agama ditolak tepi, sebaliknya minat dan semangat menjadi tunjang penyatuan dalam kalangan atlet. Chong, yang juga ahli exco badan sukan wushu di peringkat antarabangsa menjelaskan wushu tidak lagi dimonopoli masyarakat Cina sahaja tapi sudah menjadi sukan global apabila menobatkan atlet wanita berhijab dari Iran sebagai juara dunia kategori Sanda. "Dalam sukan, kita tidak ada cakap tentang bangsa. Kita hanya ada satu minat dan satu semangat sama walaupun siapa menang kita akan menjerit. Tidak kisah awak adalah Yang Berhormat atau tidak, kita akan berpelukan (bila berjaya). "Malaysia adalah satu tanah air yang cantik dan mempunyai kepelbagaian bangsa yang istimewa sekali. Kita boleh duduk sama, kita boleh bermain dan bersempang bersama-sama," katanya.

Menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), mengikut laman web Berita Harian Online yang bertajuk FAM mahu tarik minat semua kaum yang diterbitkan pada 16 November 2019 menjelaskan persepsi yang menganggap bola sepak hanya sekadar sukan semata mata dan bukanlah satu kerjaya yang penting seharusnya dikikis memandangkan kaum Cina memainkan elemen penting dalam usaha memajukan bola sepak di negara ini. "Saya mahu tekankan supaya masyarakat Cina dapat lebih aktif dalam bola sepak seperti mana yang

ditunjukkan pada era 70an dan 80an. Jadi, FAM akan turun sehingga ke peringkat akar umbi untuk menarik minat masyarakat Cina. “Ini kerana kita mahu pastikan pembabitian masyarakat Cina seiring dan seimbang dengan kaum lain. Saya harap ahli gabungan beri penekanan kerana kita tidak mahu ada pihak ketinggalan. Ini adalah masa depan kita.”

Menurut Ketua Polis Kuala Lumpur Mazlan Lazim (2019), mengikut laman web Malaysiakini.com yang bertajuk Polis beri amaran jangan buat provokasi perlawanan Malaysia-Indonesia yang bertarikh 18 November 2019 bercakap pada sidang media, Mazlan mengingatkan penyokong kedua-dua pasukan agar tidak melakukan sebarang provokasi ketika perlawanan berlangsung. "Polis akan mengambil tindakan keras bergantung kepada kesalahan yang dilakukan," katanya sambil menggesa mereka supaya bertimbang rasa dan menjaga tingkah laku agar perlawanan esok berjalan lancar. Mazlan juga berkata antara barangan yang ditegah dibawa ke stadium ialah mercun, pen laser, sebarang senjata dan minuman keras.

Menurut Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin (2019), mengikut laman web Malaysiakini.com yang bertajuk FAM ajak kaum Cina semarakkan bola sepak tempatan yang diterbitkan pada 16 November 2019. Beliau berkata ia bagi menawarkan dimensi berbeza terhadap lanskap sedia ada, di samping menjadikan bola sepak sebagai opsi kerjaya. Dengan menjadikan Tan Cheng Hoe, Ong Kim Swee dan Chiew Chun Yong sebagai antara contoh individu berbangsa Cina yang menikmati kerjaya dalam bola sepak tempatan, Hamidin menegaskan bola sepak bukan milik satu-satu kaum. “Bola sepak bukan sekadar permainan rekreasi tetapi bagi mereka yang benar-benar berkebolehan, anda boleh menjadi pemain kebangsaan, bersaing di peringkat serantau, Asia dan satu hari nanti di pentas dunia. FAM serius untuk kembali memperluaskan sukan bola sepak yang terbukti sebagai ejen paling ampuh dalam penyatuan, perpaduan dan bina negara ke semua lapisan masyarakat. Katanya perkara itu dapat dilihat melalui pembentukan pasukan kebangsaan pada era 1950-an hingga 90-an dan percaya dengan kerjasama seluruh masyarakat bukan Melayu, zaman kegemilangan tersebut akan dapat dikembalikan.

Menurut Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (2019), mengikut laman web Malaysiakini.com yang bertajuk Galakkan pelajar bersukan, titah Raja Muda Perlis yang bertarikh pada 21 Julai 2019 dimana baginda menyeru semua institusi pendidikan terus mencari bakat baru dan membantu pelajar untuk berjaya dalam bidang sukan dengan mengetengahkan mereka ke peringkat lebih tinggi. Titah baginda, sokongan dan galakan berterusan dalam menyemarakkan bidang sukan akan menjamin kecemerlangan pelajar dalam

kejohanan yang bakal diceburi. “Penglibatan dalam aktiviti sukan adalah pendedahan asas kepada pelajar terhadap amalan gaya hidup sihat dan aktif. "Sukan adalah platform terbaik bagi mencungkil potensi serta bakat para pelajar dan ia juga merupakan medium yang efektif untuk pembentukan keperibadian warga belia,” titah baginda. Menurut Raja Muda penyertaan pelajar dalam sesebuah kejohanan menuntut mereka memiliki disiplin, komitmen, persediaan mental dan fizikal serta semangat berpasukan yang tinggi.

Menurut Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (2019), menurut Astro Awani yang bertajuk Kaji semula program pembangunan sukan untuk lahir atlet Berjaya yang diterbitkan pada 27 Julai 2019. Titah Al-Sultan Abdullah bertitah sudah tiba masanya program sedia ada tidak hanya memberi penekanan kepada soal latihan semata-mata, sebaliknya perlu melihat aspek lain yang mampu melahirkan seorang atlet lebih berkualiti dan mempunyai mentaliti untuk menang. "Bagaimana hendak menang...kita perlu pastikan setiap atlet telah diberi latihan yang mencukupi, kena cukup makan, tidur, cukup latihan, program-program ini yang perlu kita beri tumpuan. "Sukan boleh menyatukan semua bangsa, semua kaum. Anda akan bersorak menyokong Malaysia. Terpulanglah sukan mana sekali pun. Para atlet pasti tahu merekalah harapan setiap rakyat Malaysia. Setiap orang daripada mereka perlu tahu betapa pentingnya untuk menang. Sekali mereka menang, individu ke, pasukan ke, ia akan membantu untuk menyatukan seluruh rakyat," titah Seri Paduka.

Seterusnya, berdasarkan artikel “Merungkai Keperluan dan Keberkesanan Pemain Naturalisasi” yang dinyatakan oleh laman web Bernama (2019), yang menyatakan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam menaturalisasikan pemain perlu dilengkapi dengan satu kajian mendalam termasuk mengambil kira pelbagai sudut implikasi pelaksanaannya untuk mengelak kesan buruk yang berpanjangan. Cadangan menggunakan pemain naturalisasi hadir selepas Malaysia berada dalam fasa merudum selama hampir 30 tahun susulan prestasi buruk sehingga kedudukan skuad negara dalam ranking Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) terjejas di tangga ke-168 pada April 2019 berbanding ke-80 pada 1993. Menyedari hal itu, FAM yang menyasarkan Malaysia berada dalam kelompok 100 terbaik menjelang 2026 mengorak langkah awal dengan menjadikan penyerang Pahang Mohamadou Sumareh sebagai pemain naturalisasi pertama negara pada Julai 2018.

Selain itu, melalui laman web Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) (2019), dengan kerjasama Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) bakal memperkenalkan sistem pendaftaran pemain dan pegawai pasukan-pasukan Liga Malaysia serta ahli-ahli gabungan menerusi Program FAM MyPAS, Disember ini. Program ini dapat membantu dalam integrasi maklumat-maklumat pemain serta pegawai secara menyeluruh dan sistematik untuk memudahkan pentadbiran dan pengurusan pasukan masing-masing. Melalui platform ini juga, kesemua pemain dan pegawai yang berdaftar akan diberikan pengenalan diri (ID) tersendiri dan akan menjadi asas dari aspek kawalan umur, perlindungan pemain bawah umur serta pembangunan bola sepak di setiap peringkat berteraskan ketelusan maklumat. “Sejajar dengan matlamat kami sebagai organisasi bola sepak yang sentiasa memandang ke hadapan, teknologi yang digunakan FAM MyPAS ini akan memberi impak yang besar kepada pentadbiran pasukan-pasukan Liga Malaysia, musim depan,” ujar Setiausaha Agung FAM, Dato’ Haji Hamidin Haji Mohd Amin.

## **6.0 KAEDAH PENGUMPULAN MAKLUMAT**

### **a) Kajian Literatur**

Pencarian maklumat, dilakukan bertujuan untuk mencari segala maklumat berkaitan topik sukan bola sepak dan tokoh yang dipilih ialah Tan Sri Mohd Zaman Khan bin Rahim Khan. Temubual ini bertujuan untuk memastikan maklumat yang dikehendaki daripada tokoh adalah tepat dan memenuhi objektif serta kesemua aspek yang diperlukan untuk menghasilkan maklumat sejarah lisan ini. Beberapa jenis medium yang berbeza dalam pencarian maklumat ini seperti melalui maklumat dari akhbar, melalui laman web dan perpustakaan.

b) Kajian Awalan

Penemubual hendaklah membuat pemerhatian dan kajian terlebih dahulu sebelum menemubual tokoh yang telah dipilih untuk memastikan tokoh memberi kerjasama yang baik dan keadaan tokoh sihat tanpa sebarang masalah yang dapat menyulitkan sesi temubual serta dapat memberikan maklumat yang dikehendaki oleh penemubual dengan tepat dan padat. Penemubual juga dapat memastikan segala maklumat yang diperolehi daripada tokoh adalah sahih berdasarkan pemerhatian dan kajian yang telah dibuat terlebih dahulu. Penemubual juga harus membuat pemerhatian dengan teliti berkenaan tokoh bahawa individu yang ingin ditemubual adalah individu yang sudah diakui pengetahuannya dalam bidang yang hendak dikaji.

c) Temubual

Temubual hendaklah dilakukan ditempat yang sesuai dan tiada gangguan yang boleh menyebabkan maklumat yang diperolehi sukar untuk dirujuk kembali untuk kegunaan penulisan transkrip. Hal ini kerana, penemubual perlu mendengar semula perbualan yang telah direkodkan semasa sesi temubual untuk proses merekodkan semula maklumat ke dalam bentuk transkrip yang lengkap dan betul.

## 7.0 KESIMPULAN

Bola sepak merupakan sukan yang paling terkenal di dunia pada masa kini. Walau demikian, perkembangan pesat permainan ini hanya bermula pada abad ke 19. Persatuan Bola Sepak Malaysia atau FAM (Football Association Malaya) yang ditubuhkan pada tahun 1927 adalah badan bola sepak yang mengawal perkembangan permainan bola sepak di seluruh Malaysia melalui persatuan-persatuan bola sepak di peringkat negeri. Pesta Bola Merdeka, Piala FAM, Piala Malaysia, dan Liga Semi Pro adalah antara beberapa pertandingan bola sepak yang dianjurkan oleh FAM di negara ini. Perjalanan bola sepak di Malaysia masih memerlukan perjalanan yang jauh. Perspektif kita mengenai bola sepak mestilah berubah sejajar dengan perkembangan antarabangsa. Hari ini, bola sepak menjadi satu industri, kerjaya, alat diplomasi, dan elemen nasionalisme. Di negara-negara terkenal dengan bola sepak seperti Brazil, Argentina, Jerman, England, dan Perancis, bola sepak ialah segala-galanya. Di negara-negara baru dalam dunia bola sepak seperti Korea Selatan, Jepun, serta beberapa negara Afrika, sukan bola sepak sentiasa berada di hati rakyatnya. Pemain-pemain bola sepak di negara ini tidak takut bermain di Negara Barat dan Amerika Selatan untuk mencari skil, pengalaman, ketahanan diri serta mental. Jelas sekali, sokongan kerajaan dan swasta semata-mata tidak cukup untuk menjadikan seseorang itu sebagai pemain bola sepak yang baik. Pemain bola sepak mesti ada kemahuan untuk berjaya dan berani mencuba di luar negara masing-masing. Di Malaysia, kita akui bahawa terdapat banyak usaha dilakukan kerajaan, seperti Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), persatuan bola sepak negeri serta kelab untuk menjayakan matlamat bagi meningkatkan mutu bola sepak negara. Malah sejarah bola sepak negara juga membuktikan bagaimana Malaysia pernah memberikan saingan hebat kepada pasukan terkuat dunia sama ada dalam perlawanan rasmi mahupun persahabatan.



## 8.0 RUJUKAN

Aznan, O. S. (2019, November 16). FAM mahu tarik minat semua kaum. Retrieved from <https://www.bhplus.com.my/sukan/bola/2019/11/629169/fam-mahu-tarik-minat-semua-kaum>.

Bernama. (2019, July 21). Galakkan pelajar bersukan, titah Raja Muda Perlis. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/sukan/484771>.

Bernama. (2019, November 18). Polis beri amaran jangan buat provokasi perlawanan M'sia-Indonesia. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/sukan/500296>.

FAM saran persatuan bola sepak negeri anjur liga cangkil bakat baharu. (n.d.). Retrieved from <http://bernama.com/bm/news.php?id=1716169>.

FAM sambut baik usaha MISC dekatkan bola sepak dengan kaum India. (n.d.). Retrieved from <http://www.bernama.com/bm/sukan/news.php?id=1793695>.

History. (n.d.). Retrieved from <https://fam.org.my/history>.

Julai, & Bernama. (n.d.). #AgongKita: Kaji semula program pembangunan sukan untuk lahir atlet berjaya, titah Al-Sultan Abdullah. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/agongkita-kaji-semula-program-pembangunan-sukan-untuk-lahir-atlet-berjaya-titah-al-sultan-abdullah-213560>.

Julai, & Bernama. (n.d.). FAM lancar bola sepak Cara Malaysia. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-sukan/fam-lancar-bola-sepak-cara-malaysia-212243>.

Kerajaan tiada halangan FAM terus program naturalisasi. (2019, May 9). Retrieved from <https://www.bhplus.com.my/sukan/bola/2019/05/562093/kerajaan-tiada-halangan-fam-terus-program-naturalisasi>.

Merungkai keperluan dan keberkesanan pemain naturalisasi. (n.d.). Retrieved from <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1728250>.

Mansor, O. Z. (2017, November 23). 'Takkan nak tengok bola sepak kita terus merudum'. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2017/11/354503/takkan-nak-tengok-bola-sepak-kita-terus-merudum>.

Malaysiakini. (2019, November 16). FAM ajak kaum Cina semarakkan bola sepak tempatan. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/sukan/500075>.

Singh, O. D. (2017, October 15). Ranking Malaysia dijangka terus merosot. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2017/10/337750/ranking-malaysia-dijangka-terus-merosot>.

Sukan satukan perpaduan rakyat Malaysia. (n.d.). Retrieved from <http://www.bernama.com/bm/sukan/news.php?id=1792588>.

FAM Perkenal Sistem Baharu Pendaftaran Pemain & Pegawai Pasukan (n.d.). Retrieved from <https://fam.org.my/news/fam-perkenal-sistem-baharu-pendaftaran-pemain-pegawai-pasukan>

<http://dwnsiswa.dbp.my/wordpress/?p=667>

<https://www.slideshare.net/ctfironika/182764707notasih3104sejarahlisandanpendokumentasianba b1docx>

## 13.2 Surat Perjanjian



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Tan Sri Dato Zaman Khan bin Pakim Khan K/p. pada  
15 Oktober 2014 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Tan Sri Dato Zaman Khan)  
Tarikh:

(Jafalizan bin Md. Jali)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat

Surat Kami : 600-FPM (HEA5/2/1)

Tarikh : 15 Oktober 2019

**Tan Sri Dato Zaman Khan bin Rahim Khan**  
574, Jalan 6  
Taman Ampang Utama  
68000 Ampang,  
Selangor.

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual Tan Sri Zaman Khan bin Rahim Khan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik dalam bidang sukan dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus **"Oral Documentation" (IMR 604)**.

4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Muhammad Amirul bin Mohd Zin	2017683378	01125772317
Mohamad Akif bin Mohd Asri	2017443554	01125495679

5. Untuk rujukan pihak tuan, bersama-sama ini dilampirkan beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**JAFALIZAN BIN MD. JALI**  
Pensyarah Kanan  
b.p Dekan

JJ/jann/FPM/2019

### 13.3 Senarai Soalan

#### SOALAN KAJIAN TAN SRI ZAMAN KHAN BIN RAHIM KHAN

##### LATAR BELAKANG

1. Bolehkah Tan Sri terangkan tentang latar belakang Tan Sri?
  - a. Apakah nama penuh Tan Sri?
  - b. Apakah nama panggilan atau gelaran Tan Sri?
  - c. Bilakah tarikh lahir Tan Sri?
  - d. Dimanakah tempat lahir Tan Sri?
  - e. Dimanakah alamat tetap Tan Sri sekarang?
2. Bolehkah Tan Sri terangkan tentang latar belakang hidup ibu bapa Tan Sri?
  - a. Siapakah nama penuh ayah Tan Sri?
  - b. Siapakah nama penuh ibu Tan Sri?
  - c. Apakah pekerjaan ayah dan ibu Tan Sri?
3. Bolehkah Tan Sri terangkan tentang latar belakang hidup adik beradik Tan Sri?
  - Berapakah bilangan adik-beradik Tan Sri?
  - Tan Sri merupakan anak ke berapa?
  - Apakah pekerjaan atau kegiatan yang mereka lakukan.
4. Bagaimana pula tentang isteri Tan Sri, bolehkah Tan Sri terangkan tentang latar belakang isteri Tan Sri?
  - Siapakah nama penuh isteri Tan Sri?
  - Apakah pekerjaan isteri Tan Sri?
5. Bolehkah Tan Sri terangkan tentang latar belakang hidup anak-anak Tan Sri?
  - Siapakah nama anak-anak Tan Sri
  - Apakah kegiatan yang mereka lakukan sekarang?
6. Bolehkah Tan Sri terangkan tentang latar belakang Pendidikan Tan Sri?
  - Dimanakah Tan Sri mendapat pendidikan awal?
  - Bagaimanakah Tan Sri dapat melanjutkan pelajaran di Victoria Institution?
  - Apakah aliran yang diambil Tan Sri ketika melanjutkan pelajaran di Victoria Institution?
  - Apakah persatuan-persatuan yang pernah Tan Sri sertai ketika di sekolah?

- Apakah aktiviti-aktiviti yang selalu Tan Sri terlibat?
- Apakah pekerjaan pertama Tan Sri selepas menamatkan pengajian?

7. Bagaimanakah Tan Sri membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?
8. Pada waktu lapang, apakah aktiviti yang biasa Tan Sri lakukan?
9. Siapakah yang menjadi idola dan sumber inspirasi Tan Sri dalam sukan?
10. Sekiranya Tan Sri bukan seorang anggota polis, apakah cita-cita sebenar Tan Sri?

### **SUKAN DI MALAYSIA**

1. Apakah takrifan sukan pada pendapat Tan Sri?
2. Apakah kebaikan atau faedah-faedah sukan terhadap konteks negara, masyarakat, serta individu?
3. Bagaimanakah sukan dapat meningkatkan sosioekonomi, sosial, serta pembangunan di Malaysia?
4. Pada pendapat Tan Sri, apakah kebaikan yang boleh diperolehi daripada sukan?
5. Pada pendapat Tan Sri, apakah perbezaan sukan di Malaysia dengan sukan di luar negara?
6. Apakah sukan yang paling awal menjadi tumpuan masyarakat di Malaysia?
7. Mengapakah sukan tersebut boleh menjadi terkenal di Malaysia?
8. Apakah pandangan Tan Sri mengenai penglibatan Malaysia dalam acara sukan antarabangsa?
9. Adakah pencapaian atlet sukan di Malaysia harus dibanggakan?
10. Apakah yang boleh menyebabkan atlet sukan terlibat dengan masalah disiplin?
11. Apakah pendekatan sesuai yang boleh diambil untuk memastikan atlet sukan tidak mengulangi kesalahan yang lalu?
12. Apakah pandangan Tan Sri mengenai pelaksanaan dasar sukan di Malaysia?
13. Apakah pendapat Tan Sri mengenai pembentukan bakat sukan di Malaysia?
14. Pada pandangan Tan Sri, apakah ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan bakat sukan di dalam diri anak-anak?
15. Pada pendapat Tan Sri, adakah sekolah bertindak sebagai platform untuk anak-anak muda memperlihatkan bakat mereka di dalam bidang sukan?
16. Mengikut pemerhatian Tan Sri, bagaimanakah Sekolah Sukan boleh bertindak sebagai tempat untuk melahirkan pelapis-pelapis atlet sukan negara?

17. Bagaimanakah cara untuk menarik minat orang muda untuk melibatkan diri dalam sukan berbanding bermain games di dalam telefon?
18. Pada pendapat Tan Sri, apakah yang akan berlaku sekiranya generasi sekarang tidak melibatkan diri dalam sukan?
19. Apakah perkara-perkara baru yang diperkenalkan oleh Malaysia dalam bidang sukan?

### **BOLA SEPAK DI MALAYSIA**

1. Bilakah sukan bola sepak mula diperkenalkan di Malaysia?
2. Apakah kategori-kategori yang mula dipertandingkan dalam sukan bola sepak di Malaysia?
3. Apakah sukan bola sepak dari pandangan sosial?
4. Apakah pendapat Tan Sri mengenai sukan bola sepak?
5. Apakah pengertian sukan bola sepak kepada Tan Sri?
6. Apakah kebaikan sukan bola sepak mengikut Tan Sri?
7. Apakah sambutan masyarakat ketika sukan bola sepak mula diperkenalkan di Malaysia?
8. Bolehkah Tan Sri, terangkan tentang serba sedikit mengenai sukan bola sepak?
9. Pada pendapat Tan Sri, bagaimana dengan perkembangan sukan bola sepak di Malaysia dari dulu hingga sekarang?
10. Apakah perbezaan sukan bola sepak di Malaysia dengan sukan bola sepak di luar negara?
11. Dalam perkembangan sosial sekarang, apakah fungsi atau tanggungjawab sukan bola sepak?
12. Apakah isu terkini yang terjadi dalam pasukan bola sepak negara?
13. Apakah pendapat Tan Sri mengenai isu-isu negatif berkaitan bola sepak sekarang?
14. Bagaimana cara untuk menghindari isu negatif berkaitan bola sepak daripada terus berleluasa?
15. Apakah perkara-perkara yang menyebabkan pengurusan bola sepak di Malaysia makin merosot?
16. Apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk membendung permasalahan yang berlaku dalam pengurusan bola sepak di Malaysia?
17. Apakah pengurusan bola sepak di Malaysia sentiasa berubah-ubah?
18. Apakah yang berlaku sekiranya pasukan bola sepak Malaysia terlalu mengharapkan pemain import?

19. Pada pendapat Tan Sri, bagaimana cara untuk meningkatkan prestasi sukan bola sepak di Malaysia?
20. Pada pendapat Tan Sri, mengapakah masih ada penyokong sukan bola sepak yang masih melakukan kekerasan seperti bergaduh, membakar stadium dan lain-lain walaupun hukuman keras telah diambil?
21. Apakah cara yang paling sesuai yang boleh diambil untuk mengelakkan situasi buruk berlaku semasa perlawanan bola sepak?
22. Pada pandangan Tan Sri apakah pendekatan yang sesuai yang boleh diambil bagi menangani masalah sukan yang dimonopoli oleh sesetengah kaum?
23. Pada pandangan Tan Sri, mengapakah masih ada sifat banding-membandingkan sukan bola sepak Malaysia yang dahulu dengan yang sekarang?
24. Bagaimanakah dengan penglibatan pihak kerajaan terutamanya Kementerian Belia dan Sukan dalam sukan bola sepak?
25. Pada pendapat Tan Sri, adakah pengadilan memainkan peranan penting dalam perlawanan bola sepak?
26. Pada pandangan Tan Sri, adakah mutu pengadilan di Malaysia adalah menyamai taraf antarabangsa?
27. Apakah pendapat Tan Sri tentang penyokong pasukan kebangsaan bola sepak Malaysia?
28. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan semangat serta sokongan yang tinggi dalam kalangan penyokong bola sepak Malaysia?
29. Pada pandangan Tan Sri, adakah kehadiran pemain import telah menjejaskan kedudukan pemain tempatan dalam pasukan bola sepak?
30. Pada pendapat Tan Sri, mengapakah sukan bola sepak diberikan layanan yang istimewa berbanding dengan sukan yang lain?
31. Apakah insentif-insentif atau dana yang diperolehi oleh pemain-pemain skuad bola sepak Malaysia?
32. Bagaimanakah tentang aspek penajaan untuk skuad bola sepak kebangsaan?
33. Apakah pendapat Tan Sri mengenai masa depan atlet sukan bola sepak?



## **Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)**

1. Apakah maksud FAM?
2. Apakah peranan atau tujuan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) ditubuhkan di Malaysia?
3. Apakah kebaikan-kebaikan (FAM)?
4. Apakah visi dan misi Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
5. Apakah pandangan Tan Sri tentang FAM?
6. Sejak bilakah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) ditubuhkan?
7. Bilakah tahun Tan Sri memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
  - siapakah yang menjadi pengerusi FAM ketika itu
  - berapa ramai ahli jawatankuasa FAM
  - berapa lamakah tempoh Tan Sri memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Malaysia
8. Bagaimanakah pemilihan Ahli Jawatankuasa dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia dipilih?
9. Apakah peranan Tan Sri sebagai Ahli Jawatan Kuasa dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
10. Bagaimanakah Tan Sri boleh terlibat dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
11. Siapakah yang mendorong Tan Sri untuk berkhidmat dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
12. Bagaimanakah Tan Sri terpilih menjadi Ahli Jawatan Kuasa dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)
13. Apakah sumbangan Tan Sri ketika berada dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
14. Bagaimanakah Tan Sri menerapkan disiplin dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
15. Melalui penglibatan Tan Sri dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), apakah pandangan Tan Sri tentang masalah utama yang menyebabkan prestasi skuad pasukan bola sepak negara makin merudum ?
16. Sepanjang karier Tan Sri dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), apakah contoh masalah-masalah dalaman atau luaran yang Tan Sri hadapi?
  - Bagaimanakah Tan Sri menyelesaikan masalah-masalah tersebut?
  - Pernahkah Tan Sri berhadapan dengan masalah perkauman ketika bertugas dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?

17. Sepanjang karier Tan Sri sebagai AJK Disiplin dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), pernahkah Tan Sri diugut atau diancam bahaya?
18. Pada pendapat Tan Sri, apakah perbezaan pandangan masyarakat terhadap Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dulu dan sekarang ?
19. Bagaimanakah masalah-masalah dalam pengurusan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dapat diselesaikan?
20. Apakah inisiatif-inisiatif yang dapat dilakukan untuk meningkatkan prestasi pengurusan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
21. Apakah kemungkinan yang berlaku terhadap pengurusan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sekiranya terdapat berlaku penyalahgunaan undang-undang dalam pengurusan?
22. Apakah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mempunyai persatuan bagi pemain-pemain yang telah pun bersara?

## **PERPADUAN DALAM KONTEKS SUKAN**

1. Apakah itu perpaduan?
2. Apakah definisi perpaduan bagi Tan Sri?
3. Apakah pandangan Tan Sri mengenai perpaduan di Malaysia?
4. Apakah isu terkini yang melibatkan perpaduan kaum?
5. Pada pendapat Tan Sri, adakah keberkesanan pelaksanaan dasar seperti 1 Malaysia mampu merapatkan jurang perpaduan kaum?
6. Apakah unsur yang boleh menyebabkan perpaduan kaum musnah?
7. Apakah cara yang sesuai yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah tersebut?
8. Pada pendapat Tan Sri, adakah sekolah bertanggungjawab untuk mendidik aspek pembangunan perpaduan kaum di kalangan murid?
9. Apakah keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar sukan di Malaysia?
  - Mengapakah dasar-dasar sukan di Malaysia harus dilakukan?
  - Faedah-faedah keberkesanan dasar-dasar sukan?
10. Apakah inisiatif-inisiatif yang dapat dilakukan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan melalui sukan?
11. Apakah pendapat Tan Sri mengenai perpaduan dalam sukan?
12. Pada pemerhatian Tan Sri, apakah dengan bersukan mampu memupuk perpaduan kaum?

## **PDRM DALAM SUKAN**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan polis?
2. Apakah definisi polis bagi Tan Sri?
3. Apakah pandangan Tan Sri mengenai polis?
4. Sejak bilakah polis ditubuhkan di Malaysia?
5. Apakah terdapat kerjasama atau hubungan antara pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia?
6. Apakah peranan polis dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM)?
  - Apakah tugas-tugas polis berkaitan sukan?
7. Bagaimanakah perkembangan penglibatan pasukan polis dalam sukan dari zaman dahulu hingga sekarang?
8. Bagaimanakah pasukan polis dapat menjaga atau bertindak dalam memelihara institusi kesukanan di Malaysia?
  - Apakah yang perlu pasukan polis lakukan sekiranya terdapat sebarang ketidakteraman awam berkaitan sukan
9. Apakah langkah-langkah yang dapat pihak polis lakukan untuk membendung permasalahan yang berlaku dalam pengurusan bola sepak di Malaysia?
10. Bolehkah Tan Sri terangkan tentang penglibatan Tan Sri dalam pasukan Polis Diraja Malaysia?
  - Berapa tahun Tan Sri berkhidmat sebagai polis?
  - Apakah anugerah atau pencapaian terbaik Tan Sri sepanjang menjadi anggota polis?
  - Bilakah Tan Sri bersara daripada kerja polis?
  - Apakah kenangan paling manis yang tidak dapat Tan Sri lupakan sepanjang kerjaya Tan Sri sebagai polis?
11. Apakah Tan Sri masih mengikuti perkembangan polis?
12. Bolehkah Tan Sri berkongsi pengalaman sebagai Pengarah Ketenteraman Awam?
  - Bolehkah Tan Sri berkongsi pengalaman Tan Sri dalam mengendalikan kes-kes keganasan yang berlaku dalam sukan?
  - Apakah peranan Pasukan Ketenteraman Awam dalam institusi sukan?

### 13.4 Diari Penyelidikan

Berikut adalah diari sejarah lisan daripada awal sampai akhir.

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>	<b>Tindakan</b>
1.	3 September 2019	2.00 p.m – 5.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kami mendapat tugas, memilih ahli kumpulan dan tajuk.</li><li>• Kami mencari tajuk yang sesuai berserta senarai tokoh.</li></ul>
2.	5 September 2019	11.00 a.m – 1.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kami berbincang dan mencari tokoh untuk dipilih.</li><li>• Antara tokoh yang disenarai ialah Siti Saadiah, Shalin Zulkifli, Sazali Abd Samad</li></ul>
3.	11 September 2019	2.00 p.m – 5.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kami berbincang untuk memilih tokoh yang sesuai</li><li>• Kami telah mencapai kata sepakat dan memilih Sazali Abd Samad sebagai tokoh kami.</li></ul>
4.	12 September 2019	10.00 a.m – 12.00 p.m	UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kami berbincang dengan pensyarah kami untuk mendapatkan persetujuan.</li><li>• Kami telah mendapat isi-isi penting untuk dijadikan panduan</li></ul>
5.	14 September 2019	11.00 a.m – 4.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kami membuat draf proposal</li></ul>

			Puncak Perdana	
6.	15 September 2019	12.00 p.m – 3.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mula mencari maklumat berkaitan jargon-jargon sukan.</li> <li>• Kami menghafal beberapa istilah jargon untuk dibentangkan pada kelas yang akan datang</li> </ul>
7.	26 September 2019	11.00 a.m – 1.00 p.m	UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berjumpa dengan pensyarah untuk mendapatkan tanda tangan.</li> <li>• Kemudian kami mencetak surat tersebut di koperasi di fakulti</li> </ul>
8.	27 September 2019	1.00 p.m – 6.00 p.m	Setiawangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membuat temubual awal bersama tokoh iaitu Sazali Abd Samad</li> <li>• Tokoh memberi info dan tips yang berguna</li> <li>• Tokoh amat memberi kerjasama</li> </ul>
9.	1 Oktober 2019	12.00 p.m – 2.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang dengan pensyarah dan tokoh kami tidak dapat dipilih kerana sudah ada yang membuatnya dahulu.</li> </ul>
10.	2 Oktober 2019	3.00 p.m – 6.00 p.m	Kolej Jasmine	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membentangkan slide mengenai tokoh yang dipilih</li> </ul>

				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang tentang jargon sukan.</li> </ul>
11.	7 Oktober 2019	2.00 p.m – 5.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah membantu kami mendapatkan tokoh yang baru</li> <li>• Pensyarah menyuruh kami untuk bertemu dengan dekan fakulti pengurusan maklumat</li> </ul>
12.	8 Oktober 2019	4.00 p.m - 6.00 p.m	UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami dan pensyarah bertemu dengan dekan fakulti untuk membincangkan draf proposal kami</li> <li>• Terdapat perkara yang hendak dibetulkan</li> <li>• Dekan memberi nombor tokoh</li> </ul>
13.	10 Oktober 2019	10.00 a.m – 2.00 p.m	Ampang Jaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami bertemu dengan pensyarah untuk mendapatkan tanda tangan</li> <li>• Kami dan pensyarah pergi ke rumah tokoh untuk membuat temubual awal</li> </ul>
14.	14 Oktober 2019	9.00 p.m - 10.30 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang dengan pensyarah mengenai proposal dan soalan temubual</li> </ul>
15.	15 Oktober 2019	10.00 a.m – 2.00 p.m	Ampang Jaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami dengan pensyarah pergi ke rumah tokoh</li> </ul>

				<p>untuk membuat temubual pertama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Banyak informasi yang kami dapat</li> <li>• Tokoh amat memberi kerjasama</li> </ul>
16.	16 Oktober 2019	5.00 p.m – 8.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang tentang teknik temubual di dalam kelas.</li> </ul>
17.	23 Oktober 2019	4.00 p.m – 5.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang mengenai proposal yang dibuat di bilik pensyarah.</li> </ul>
18.	12 November 2019	2.00 p.m – 4.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan transkrip di kelas.</li> <li>• Consult mengenai soalan interview.</li> </ul>
19.	19 November 2019	2.00 p.m – 5.00 p.m	UiTM Puncak Perdana, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan transkrip di kelas.</li> <li>• Consult mengenai soalan temubual yang telah di luluskan.</li> </ul>
20.	21 November 2019	11.00 p.m – 2.00 p.m	UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami bertemu pensyarah dan berbincang mengenai soalan temubual sesi kedua</li> </ul>
21.	26 November 2019	11.00 a.m – 2.00 p.m	Ampang Jaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami pergi untuk membuat temubual sesi kedua di rumah tokoh.</li> <li>• Kami mendapat pelbagai informasi yang menarik.</li> <li>• Tokoh bermurah hati kerana belanja kami</li> </ul>

22.	29 November 2019	3.00 p.m – 7.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menyediakan slaid pembentangan untuk persediaan Program Kolokium Sejarah Lisan.</li> </ul>
23.	30 November 2019	11.00 a.m – 11.p.m	Kolej Jasmine	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghantar slaid kepada pensyarah dengan menggunakan email</li> </ul>
24.	1 Disember 2019	11.00 a.m – 8.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membetulkan slaid tentang tokoh kami</li> </ul>
24.	2 Disember 2019	8.00 a.m - 1.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menguruskan Program Kolokium Sejarah Lisan.</li> <li>• Pembentangan kami berjalan dengan lancar.</li> </ul>
25.	3 Disember 2019	8.00 a.m – 1.00 p.m	Dewan Seminar UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menguruskan hari kedua Program Kolokium Sejarah Lisan.</li> </ul>
26.	9 Disember 2019	12.00 p.m – 15.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami mula menyiapkan pendokumentasian.</li> </ul>
27.	10 Disember 2019	2.00 p.m – 8:00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang dan membahagikan tugas pendokumentasian.</li> </ul>
28.	18 Disember 2019	9:00 a.m – 5:00 p.m	UiTM Kampus Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menunjukkan pendokumentasian yang telah kami buat kepada pensyarah.</li> </ul>



29.	26 Disember 2019	2.00 p.m – 5.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berbincang untuk membuat transkrip</li> </ul>
30.	4 Januari 2020	2.00 p.m – 5.00 p.m	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membetulkan kesilapan yang berada di dalam transkrip</li> </ul>
31.	12 Januari 2020	2.00 p.m – 5.00 p.m	Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menyiapkan transkrip</li> </ul>
32.	15 Januari 2020	10.00 a.m – 11.00 a.m	UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menghantar transkrip ke bilik pensyarah</li> </ul>

### 13.5 GAMBAR DAN PINGAT



**Gambar 1:** Tan Sri Zaman Khan ketika berumur 40 tahun



**Gambar 2:** Tan Sri Zaman Khan bersama abangnya



**Gambar 3:** Cenderahati daripada Ketua Polis Kelantan kepada tokoh



**Gambar 4:** Cenderahati daripada Victoria Institution kepada tokoh



**Gambar 5:** Tokoh bersama keluarganya



**Gambar 6:** Tokoh mendapat anugerah tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 24 Januari 2013



**Gambar 7:** Tokoh bersama dengan kumpulan hokinya di Sultan Ismail College



**Gambar 8:** Tokoh bersama dengan kumpulan pengakapnya



**Gambar 9:** Tokoh bersama dengan Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Prof Dr Sohaimi bin Zakaria pada 10 Oktober 2019



**Gambar 10:** Kami dan pensyarah iaitu Encik Jafalizan bin Md. Jali bersama Tan Sri Zaman Khan

## **14.0 KESIMPULAN**

Tuntasnya, berdasarkan keseluruhan penyelidikan yang telah kami jalankan, pelbagai input-input yang bermanfaat dapat kami perolehi mengenai sukan bola sepak di Malaysia, terutama sekali dalam tiga aspek utama iaitu dapat mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan prestasi pasukan bola sepak Malaysia merudum, dapat mengetahui sistem pengurusan sukan bola sepak di Malaysia, dan dapat mengetahui keberkesanan dasar-dasar bola sepak dalam konteks perpaduan kaum di Malaysia. Selain itu, kami juga dapat mengenal pasti bahawa kepentingan disiplin untuk menaikkan sistem sukan di negara Malaysia. Akhir sekali, perkara yang paling penting yang sentiasa di sebut oleh tokoh ialah mengenai semangat perpaduan kaum yang perlu disemai dalam kalangan masyarakat Malaysia bukan sahaja untuk memajukan institusi sukan di Malaysia malah untuk menjadikan negara Malaysia gah standing negara-negara di seantero dunia.